

AL-BANJARI, hlm. 49-84  
ISSN (Print) 1412-9507

Vol. 18, No.1, Januari-Juni 2019  
ISSN (Online) 2527-6778

## KITAB JAWI SEBAGAI KARYA KEARIFAN TEMPATAN MELAYU: ANALISIS SEJARAH INTELEKTUAL

Rahimin Affandi Abd. Rahim, Awang Azman bin Awang Pawi, Ahmad Farid  
Abd Jalal, Mohd Puaad Bin Abdul Malik

Akademi Pengkajian Islam Universiti Malaya

faqir\_ila\_rabbih@um.edu.my, awangazman@um.edu.my,  
farid.muziumpahang@gmail.com, abdulpuad@yahoo.com

Diterima 15 Februari 2019 | Direview 16 Juni 2019 | Diterbitkan 25 Juni 2019

### Abstract

*This article examines the treasures of the Arabic Malay books (Kitab Jawi) which have a wealth of Malay local wisdom. There are three important aspects of the contents of the Malay books discussed in this article, namely: (1) uruf and Malay local wisdom; (2) the principle of Malay local wisdom formula and (3) proof of Kitab Jawi as Malay local wisdom that can be promoted at this time. The results of this study confirm several things. First, the awareness of the world community about local wisdom belonging to the community of the non-European may be filled by expressing the concept of local wisdom based on Islamic knowledge. Secondly, the constructs and formulas of Malay local wisdom are indeed rather unique because they are the result of the sentiment between Islam and Malay thought. Third, Kitab Jawi is indeed the most important product of local Malay Islamic wisdom. This can be seen in terms of the formation of Jawi writings and the constructs of science that were awakened by previous Malay scholars.*

**Keywords:** *Kitab Jawi, local wisdom, colonialism*

### Abstrak

*Artikel ini mengkaji khazanah kitab-kitab Arab Melayu (Kitab Jawi) yang memiliki kekayaan akan kearifan lokal Melayu. Ada tiga aspek penting kandungan kitab-kitab Melayu yang dibahas dalam artikel ini, yaitu : (1) uruf dan kearifan lokal Melayu; (2) asas formula kearifan lokal Melayu dan (3) pembuktian kitab jawi sebagai kearifan lokal Melayu yang bisa dipromosikan di masa ini. Hasil kajian ini menegaskan beberapa hal. Pertama, kesadaran masyarakat dunia tentang kearifan lokal milik masyarakat peribumi bukan Eropa boleh diisi dengan mengemukakan konsep kearifan lokal berasaskan ilmu melayu Islam. Kedua,*

*konstruk dan formula kearifan lokal Melayu memang agak unik kerana merupakan hasil sintesis antara Islam dengan pemikiran Melayu. Ketiga, kitab jawi memang merupakan produk kearifan lokal Melayu Islam yang terpenting. Ini dapat dilibat dari segi pembentukan tulisan jawi dan konstruk ilmu yang dibangunkan oleh ulama melayu masa silam.*

**Kata kunci:** *Kitab Jawi, Kerarifan Lokal, dan Kolonialisme*

## Pendahuluan

Islam telah memberi pengaruh besar kepada manusia Melayu. Ia telah menaikkan harga diri manusia Melayu dengan akidah dan *world-view* tauhid yang kekal sampai saat ini. Hal yang tidak kalah penting, Islam menjadi asas jati dan sumber kebanggaan manusia Melayu.<sup>1</sup> Apa-apa saja yang dikaitkan dengan Islam akan menjadi sumber kekuatan masyarakat Melayu. Artikel ini akan mencoba menganalisa 2 sumber kekuatan Melayu Islam yaitu kearifan tempatan Melayu dan kitab jawi. Kandungan asas perbincangan akan menganalisis tiga perkara utama; (1) uruf dan kearifan tempatan Melayu; (2) asas formula kearifan tempatan Melayu dan (3) pembuktian kitab jawi sebagai kearifan tempatan Melayu yang boleh dibanggakan.

Pada Juni 1992, dalam Persidangan Persatuan Bangsa-Bangsa (PBB) mengenai alam sekitar dan pembangunan telah melahirkan Pengisytiharan Rio. Hal ini dibuktikan dengan adanya perhatian khusus tentang pentingnya pengurusan alam sekitar dan kepelbagaian biologi dalam konteks pembangunan dan kesejahteraan masyarakat. Hal yang terpenting, masyarakat dunia mulai menyedari keunggulan kearifan tempatan milik masyarakat peribumi dalam aspek pengurusan alam.<sup>2</sup> Sejak saat itu, masyarakat internasional mulai menolak dominasi teori ilmu barat dan lebih terbuka dengan teori ilmu milik peribumi.<sup>3</sup>

Menurut Syed Farid Al-Attas, konsep ilmu milik dunia akademia barat sebenarnya diasaskan kepada paradigma dan kerangka epistemologi ilmu sains

---

<sup>1</sup> Zainal Abidin Borhan, "Pantun Dan Peribahasa Melayu : Persoalan Jati Diri Dan Patriotisme," dalam *Globalisme Dan Patriotisme Dalam Sastera Melayu* (Kuala Lumpur, 2000), 45–58.

<sup>2</sup> Mohd Istajib Bin Mokhtar, "Konservasi Biodiversiti Menurut Etika-Perundangan Islam: Kajian Terhadap Kawasan Perlindungan Di Malaysia" (Disertasi, Universiti Malaya, 2015).

<sup>3</sup> Jose Nandhikkara, *Environmental Interface Literature, Law, Science, And Philosophy* (Bengauru: Dharmaram Publication, 2015).

sosial barat (positivisme sekular).<sup>4</sup> Jadi, bagi sarjana barat semua masalah masyarakat dunia hanya mampu diselesaikan mengikut kerangka epistemologi barat.<sup>5</sup> Epistemologi barat memiliki beberapa pendekatan utama, yaitu: Paradigma yang memandang sesuatu masalah atau gejala dalam masyarakat mengikut *world-view* positivism barat. Agama dianggap sebagai elemen yang tidak saintifik dan harus dikesampingkan dalam proses mendapatkan ilmu. Selain itu, mereka membedakan antara konsep perkara agama dan non agama<sup>6</sup> yang bergantung sepenuhnya kepada teori barat. Misalnya, konsep masyarakat plural yang dihasilkan sarjanawan barat diterima pakai untuk masyarakat Tanah Melayu tanpa mempersoalkan ketepatan teori ini<sup>7</sup>; Teori dan kerangka analisa ilmu barat (sains murni dan sains sosial) diwartakan sebagai paling betul. Masalahnya ia telah ditiru oleh pengkaji peribumi sendiri.<sup>8</sup>

Sejak itu, berbagai konsep ilmu milik masyarakat peribumi (bukan barat) mula dikaji oleh masyarakat antarabangsa. Di Malaysia, USM dan ASASI telah menumpukan kajian memperinci kearifan tempatan Melayu. Di kalangan penyelidik pengajian Islam juga kajian yang membabitkan konsep uruf memang banyak dihasilkan.<sup>9</sup> tetapi tidak mengaitkannya secara langsung dengan konsep kearifan tempatan Melayu yang menyebabkan keunggulan kearifan tempatan Melayu menjadi terpinggir.

### **Islamisasi, Kitab Jawi dan Pandangan Sarjana Kolonial**

Kitab jawi adalah mercu tanda pengaruh Islam dalam masyarakat Melayu. Pengkaji barat memang mengkagumi keunikan sejarah Islam di alam Melayu. Ia membabitkan beberapa perkara utama: *Pertama*, bagaimana Islam boleh tersebar di alam Melayu secara aman dan tanpa menumpahkan darah.

---

<sup>4</sup> Syed Farid Alatas, "Orientalisme dalam Pengkajian Sejarah Alam Melayu," *SOCLA: Jurnal Ilmu-Ilmu Sosial* 9, no. 2 (2012).

<sup>5</sup> Syed Farid Alatas, "Alternative Discourse In Southeast Asia," 2001.

<sup>6</sup> Alatas, "Alternative Discourse In Southeast Asia."

<sup>7</sup> Soda Naoki, "The Malay World in Textbooks: The Transmission of Colonial Knowledge in British Malaya," *Southeast Asian Studies* 39, no. 2 (September 2001): 188–234.

<sup>8</sup> Rahimin Affandi Abd Rahim, "Pengamalan Ilmu Usul Al-Fiqh Di Dalam Sastera Undang-Undang Melayu: Satu Analisa," in *Kesusasteraan Dan Undang-Undang, Penerbitan Akademi Pengajian Melayu*, 2003, 158–79.

<sup>9</sup> Anuar Ramli, "Asas Hukum Dalam Budaya: Kajian Terhadap Beberapa Aspek Hubungan Social Dalam Kebudayaan Malaysia" (Skripsi, APIUM, 2002); Mohd Fauzi bin Audzir, "Uruf Tempatan Di Negeri Kedah Dan Kesannya Terhadap Perubahan Hukum: Satu Analisis" (Skripsi, APIUM, 2002).

Hasilnya, pengkaji barat memberi komentar yang bersulam dengan maksud lain; bagi menunjukkan bahawa program Islamisasi Alam Melayu yang diusahakan oleh mubaligh masih banyak kekurangan, seperti: mubaligh mendakwahkan Islam yang telah tercemar dengan ciri-ciri bid'ah, tidak mementingkan logika, terlalu bertolenrasi dengan budaya pra Islam sehingga melahirkan elemen sinkretisme dan proses dakwah tidak terkonsep kerana mubaligh awal lebih mementingkan pulangan material (program perdagangan) melebihi agenda dakwah Islam sejati.<sup>10</sup> Kedua, bagaimana Islam, khususnya kitab jawi mampu mengubah *world-view* dan melahirkan tamadun intelektual masyarakat Melayu.<sup>11</sup> Bagi sarjana kolonial, Islam dianggap sebagai puncak kekuatan masyarakat Melayu yang akan menggagalkan program penjajahan kuasa penjajah di alam Melayu. Atas dasar itu, kita dapat mengesan sarjana kolonial dilanda penyakit *Split Personality*. Mereka begitu mengilai dan bersusah payah mengumpulkan manuskript Melayu Islam tetapi pada masa yang sama mereka meremehkan mutu karya intelektual Melayu.<sup>12</sup>

Pada dasarnya, terdapat tiga tipologi karya intelektual Melayu yaitu kitab jawi, sastera lisan dan Kesusasteraan Melayu. Menurut Dato Zainal Abidin Borhan, karya kitab jawi merupakan jumlah terbesar (80%) daripada korpus keilmuan Melayu, berbanding dengan sastera lisan dan Kesusasteraan Melayu. Menurut Doo Ming Choo korpus kitab jawi ini kurang diberikan perhatian oleh penyelidik Melayu (30% yang telah dikaji). Hal ini semakin ketara selepas tulisan jawi diketepikan dalam program pendidikan di Malaysia. Dengan demikian, kitab jawi adalah warisan berharga yang wajib dijaga dan dikaji oleh penyelidik Melayu Islam sendiri dan bukannya diserahkan kepada sarjana barat.

Pihak kolonial British memang menyedari pengaruh kitab jawi dalam masyarakat Melayu. Mereka telah mengasaskan program memamatkan

---

<sup>10</sup>Mehmet Özey, "An Attempt to Understand the Driving Forces of Historiography in the Eurocentric Perspective in Southeast Asia," *İnsan & Toplum Dergisi (The Journal of Human & Society)* 3, no. 6 (December 15, 2013): 271–82, <https://doi.org/10.12658/human.society.3.6.M0078>.

<sup>11</sup>Muhd Imran Abd Razak et al., "Salafi Jihad's Version and Coercion to World Peace: An Islamic Educational Perspective," *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 7, no. 12 (2017): 1265–80.

<sup>12</sup>Syed Muhd Khairudin Aljunied, "Rescuing History from the Orientalists: Syed Muhammad Naquib al-Attas and the History of Islam in the Malay World," *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 6, no. 0 (2013).

penggunaan tulisan jawi yang digantikan dengan tulisan Rumi di sekolah Melayu.<sup>13</sup> Menurut William Roff, tulisan Rumi ini mempunyai agenda pengkristianan masyarakat Melayu. Ia diusahakan oleh mubaligh kristian untuk memperkenalkan teks sastera Inggeris termasuk juga bible kepada masyarakat Melayu.<sup>14</sup> Hal ini diperkukuhkan lagi oleh Wilkinson orang yang dipertanggungjawabkan menyediakan teks Malay Readers.<sup>15</sup> Ia dipergunakan sebagai teks wajib di sekolah Melayu. Teks ini mengandungi petikan karya sejarah Melayu dan hikayat Abdullah yang mengikutnya perlu dipelajari menggunakan tulisan Rumi, kononnya bagi wujudkan perpaduan sesama pelajar.<sup>16</sup>

### Makna Uruf dan Kearifan Tempatan

Ada dua perkara penting yang perlu dilihat apabila bincangkan tajuk ini. *Pertama*, kita tidak menyedari bahawa keduanya sama, diakui sebagai salah satu sumber hukum tahap kedua dalam Islam. Hal ini berlaku kerana dalam pengajian Islam tradisional, kerangka uruf yang dipelajari lebih berlatarbelakangkan sistem budaya masyarakat arab, tetapi kurang menyedari tentang konsep Kearifan Tempatan dalam budaya Melayu sendiri. Agak malang sekali apabila konsep uruf dalam budaya arab difahami sedangkan Kearifan Tempatan dalam budaya sendiri tidak diketahui. *Kedua*, kita tidak memahami bagaimana uruf atau Kearifan Tempatan terbentuk. Kearifan Tempatan dalam bentuk uruf sah sah bukannya dengan mudah terhasil tetapi telah melalui proses sejarah yang panjang dalam masyarakat Melayu. Ia terbuka untuk dinilai dan ditapis agar bersesuaian dengan prinsip Islam. Sifat dinamisme ini memang disedari oleh mubaligh yang awal. Selepas mereka berjaya mengislamkan masyarakat Melayu, mereka telah mengasaskan institusi pendidikan Islam yang diharapkan agar dapat mensintesiskan budaya (Kearifan Tempatan Melayu) dengan Islam. Disinilah letaknya sifat dinamisme institusi pendidikan Islam

---

<sup>13</sup>E.C Hill, "Annual Educational Report, 1894, Straits Settlements Annual Reports For the Years 1894" (Singapura: Government Printing Office, 1895).

<sup>14</sup>William R Roff, *The Origins of Malay Nationalism* (New Haven dan London: Yale University, 1967).

<sup>15</sup>Roff, Philip Fook Seng Loh, *Seeds of Separatism* (Malaysia: Oxford University Press, 1975); Rex Stevenson, *Cultivators and Administrators* (Oxford: Oxford University Press, 1975); Commitee on Malay Education, "Report of the Committee on Malay Education Federation of Malaya" (Malaysia, 1951).

<sup>16</sup>Stevenson, *Cultivators and Administrators*; H.R Cheeseman, "Education in Malaya 1900-1941," in *Malaysia in History* (Kuala Lumpur, 1979).

yang sentiasa berkembang mempelajari dan menerapkan nilai Islam dalam budaya Melayu.

Dalam konstruk epistemologi hukum Islam, Syariah Islam mampu berinteraksi dengan budaya masyarakat apabila ia menerimapakai konsep uruf. Namun begitu, pemahaman konsep uruf ini dalam perbincangan fuqaha lebih tertumpu kepada paradigma Timur Tengah semata-mata. Contohnya, apabila sarjana Islam mengulas tentang makanan Sunnah, ia terhenti kepada lapan jenis makanan rugi Timur Tengah. Sedangkan makanan luar timur tengah tidak diiktiraf sebagai makanan Sunnah walaupun khasiatnya memang diakui secara saintifik. Sifat keterlaluan ini telah menyebabkan terdapat sesetengah sarjana mendakwa Islam lebih bersifat pro-Arabism dan mengabaikan masyarakat bukan arab.<sup>17</sup> Hal ini ditambahburuk lagi dengan tersebarnya fahaman salafi melampau. Ia menegaskan bahawa Islam sejati hanya terhenti kepada masyarakat Timur Tengah (Arab Saudi), manakala Islam yang diamalkan oleh masyarakat luar Timur tengah seperti di Alam Melayu penuh dengan elemen khurafat.<sup>18</sup>

Hal ini menuntut sarjana Islam Alam Melayu memperjelaskan kesalahfahaman ini. Islam bukannya untuk masyarakat Arab semata-mata. Ia dapat dilakukan dengan penerangan konsep Kearifan Tempatan. Ia adalah usaha manusia dengan menggunakan akal budinya untuk bertindak terhadap sesuatu, objek atau peristiwa yang terjadi dalam ruang tertentu. Kearifan (wisdom) secara etimologi bermaksud kemampuan seseorang dalam menggunakan akal pikirannya untuk menanggapi suatu kejadian, objek atau situasi. Manakala tempatan merujuk kepada ruang interaksi di mana peristiwa atau situasi tersebut terjadi.

Apabila menghuraikan pengertian Kearifan Tempatan, para sarjana merumuskan ia terdiri daripada empat perkara. *Pertama*, manusia; *Kedua*, gagasan yang bernilai baik; *Ketiga*, kebenaran yang telah mentradisi; dan *Keempat*, diakui oleh masyarakat. Kearifan atau wisdom yang membawa maksud fahaman falsafah (pengetahuan mendalam) atau pembelajaran ilmiah (*accumulated philosophic or scientific learning*). Ia membawa maksud adalah suatu tingkah laku yang bijaksana atau jalan tindakan yang benar (*a wise attitude or course of action*). Perkataan wisdom yang termasuk sama sebagai suatu

---

<sup>17</sup>Abd Muqith Ghazali, "Mengubah Wajah Fiqh Islam," in *Bayang-Bayang Fanatisme: Esai-Esai Untuk Mengenang Nurcholish Madjid* (Jakarta: PSIK Universitas Paramadina, 2007), 412–31.

<sup>18</sup>Razak et al., "Salafi Jihad's Version and Coercion to World Peace."

pengetahuan ilmiah, yaitu suatu pengetahuan yang benar berasaskan kerangka metodologi yang sistematik. Hasilnya, pengetahuan yang terhasil dapat diterima oleh akal sehat dan dapat diuji secara empirikal.<sup>19</sup>

Fuqaha<sup>20</sup> membahagikan hukum Islam kepada bidang Ibadah dan Mu'amalah. Bidang *ibadah* serta strukturnya secara khusus diterangkan di dalam sumber wahyu secara terperinci dan ia tidak membuka ruang yang luas untuk akal manusia campur tangan. Manakala bidang *mu'amalah* yang pada kebiasaannya banyak bergantung kepada keadaan hidup yang sentiasa berubah telah diberi ruang yang luas untuk akal manusia. Jadi, soal-soal yang berkaitan dengan hubungan sesama umat manusia banyak diserahkan kepada umat Islam untuk memikir dan menentukannya sendiri. Namun begitu, penentuan akal manusia ini perlu berdasarkan kerangka dan landasan yang terdapat di dalam sumber wahyu.<sup>21</sup>

Dalam ilmu usul fiqh, Kearifan Tempatan ini bertepatan dengan maksud uruf. Secara literalnya, uruf ini bermaksud sesuatu yang makruf, yang biasa diamalkan dan diterima sebagai baik oleh akal yang sihat. Mengikut istilah usul al-fiqh pula, ia bermaksud adat orang ramai ataupun majoritas sesuatu kaum pada perkataan dan amalan. Lebih lanjut lagi, ia juga ditakrifkan sebagai sesuatu yang telah mantap di dalam jiwa manusia dari segi akal fikiran dan diterima oleh tabiat yang sejahtera, yang lahir dari penghuni sesebuah negeri Islam dengan syarat ia tidak berlawanan dengan nas syariat. Ianya telah diterima oleh fuqaha sebagai kaedah penetapan hokum terhadap sesuatu persoalan yang tiada keterangan yang jelas di dalam Quran dan sunnah, Kaedah untuk mentarjihkan pandangan seseorang fuqaha yang membabitkan persoalan masyarakat, Kaedah untuk mentafsirkan sesuatu peristiwa yang berkaitan dengan isu masyarakat dan Asas untuk menyelesaikan pertikaian yang berlaku di dalam masyarakat berkaitan dengan hokum Islam.

Penggunaan konsep urf ini tidak boleh digunakan secara sewenang-wenangnya, tetapi telah dihadkan di dalam hokum Islam dengan beberapa syarat, yaitu tidak boleh bertentangan dengan nas syarak yang jelas dan muktabar, telah diamalkan oleh majority masyarakat secara meluas, yang bakal dirujuk dalam satu-satu tindakan sudah wujud ketika hendak dilakukan

---

<sup>19</sup>“Nilai-Nilai Islam Dalam Budaya Dan Kearifan Lokal (Konteks Budaya Bugis) | Yunus | Rihlah Jurnal Sejarah Dan Kebudayaan,” <http://journal.uin-alauddin.ac.id/index.php/rihlah/article/view/1351>.

<sup>20</sup>Shatibi, *Al-Muwafaqat Fi Usul Al-Abkam*, vol. 2 (Kairo, 1993).

<sup>21</sup>Shatibi, *Al-Muwafaqat Fi Usul Al-Abkam*, vol. 2 (Kairo, 1993).

tindakan penilaian ataupun kejadian urf itu telah mendahului waktu tindakan dan berterusan hingga masa berlakunya tindakan itu, dan Tidak wujud sesuatu perkataan ataupun perbuatan yang secara terang bertentangan dengan urf yang sah dan telah diamalkan secara meluas di dalam masyarakat.

Memang sekali imbas wujud persamaan antara uruf dan kearifan tempatan. Teras asas persamaan ini terletak kepada kepandaian masyarakat tempatan mempergunakan akal menghadapi masalah atau mengatur hubungan dalam masyarakat. Lebih khusus lagi, persamaan keduanya terserlah dalam; Islam mempergunakan pendekatan mesra budaya. Islam tidak membawa pendekatan agama Yahudi dan Sikh yang mengkhususkan agama kepada sesuatu bangsa tertentu. Islam mengabsahkan budaya masyarakat dengan tapisan yang ketat, proses pembentukan budaya melalui proses kajian dan tapisan daripada ahli masyarakat. Ia dibentuk oleh cerdik pandai masyarakat tetapi harus melalui tapisan samada ia diterima untuk diamalkan atau ditolak oleh ahli masyarakat, dan Ia mengambil masa yang lama untuk diamalkan sehingga menjadi tradisi masyarakat.

Namun begitu, memang wujud pertentangan antara Kearifan Tempatan milik orang Melayu dengan Islam. Hal ini berlaku kerana Islam berasaskan wahyu Allah, manakala Kearifan Tempatan lebih berasaskan akal manusia yang terbatas sifatnya.<sup>22</sup> Walaupun Kearifan Tempatan memang mampu melahirkan formula yang baik untuk ahli masyarakat tetapi akal ini tetap gagal menyelami world-view tauhid sejati. Ia tetap wajib bergantung pada sumber wahyu.

Apa yang jelasnya, tidak semua Kearifan Tempatan masyarakat diterima oleh Islam. Ia tertakluk kepada beberapa syarat: *pertama*, tidak boleh bertentangan dengan prinsip tauhid. Elemen kepercayaan pada ruh nenek moyang dalam pembentukan Kearifan Tempatan perlu ditolak. *Kedua*, tidak boleh melahirkan unsur sinkretism antara Islam dan budaya leluhur masyarakat. Contohnya agama kejawenan dalam masyarakat jawa dan ketiga, tidak boleh bertentangan secara mutlak dengan prinsip akidah dan syariah yang jelas keterangannya.<sup>23</sup>

Hal ini diterangkan oleh Anuar Ramli bahawa proses penyerapan Islam dalam Kearifan Tempatan telah melalui dua peringkat utama. *Pertama*, tahap

---

<sup>22</sup>Jah Umar, "The Importance Of Ijtihad In The Development Of Islamic Law," *Journal of Comparative Law*, 1977, 31–40.

<sup>23</sup>Syamsul Azizul Marinsah and Mohd Anuar Ramli, "Sinkretisme Dalam Adat Masyarakat Bajau Di Sabah," *International Journal of Islamic Thought (IJIT)* 12 (December 2017): 83–93.



awal yang menyaksikan wujudnya pertentangan antara pemuka adat (pencipta Kearifan Tempatan) dengan mubaligh awal. Demi memastikan Islam diterima dengan baik, mubaligh telah bertolak ansur dengan pemuka adat. Hal ini terbukti dengan wujudnya dua paradigma berbeza dalam Hukum Kanun Melaka.<sup>24</sup> Apa yang jelasnya, terdapat dua pilihan hukum terhadap pesalah sama ada menggunakan saluran adat atau hukum Islam (fiqh). Ia telah melalui proses campur aduk antara warisan pra-Islam dengan undang-undang Islam dengan jelas memperlihatkan amalan adat serta syariah Islam dipraktikkan secara selari dan pesalah boleh memilih antara dua jenis penyelesaian yang diperuntukkan.<sup>25</sup>

*Kedua*, tahap interaksi hukum Islam dengan Kearifan Tempatan. Ia menyaksikan hukum Islam lebih mendominasi *world-view* Melayu. Tahap ini ditegaskan oleh Syed Naquib sebagai era zaman antara tahun 1400-1700. Ia dikatakan sebagai zaman pengislaman masyarakat Melayu secara zahir dan batin yang antara kesannya adalah tersebarnya ilmu pengetahuan yang cukup mengalakkan dalam pelbagai bidang pengajian Islam. Lebih tepat lagi, ia adalah zaman kegemilangan tamadun Islam di Alam Melayu. Indeks utama pencapaian ini boleh dilihat daripada perkembangan sistem pendidikan Islam dan penghasilan kitab jawi.

### **Kearifan Tempatan Melayu dibentuk**

Kita hanya mengetahui tentang konsep Kearifan Tempatan Melayu yaitu konsep harta sepencarian selepas dinyatakan oleh Syeikh Daud Pattani.<sup>26</sup> Tetapi kita agak kabur tentang bagaimana Kearifan Tempatan Melayu ini dibentuk. Hal ini penting dimaklumi demi untuk menghargai keunggulan Kearifan Tempatan Melayu. Ia dilahirkan melalui beberapa kaedah khusus. Ia tidak statik tetapi dinamik yang sentiasa menerima perubahan sesuai dengan sifat ilmu dan perkembangan masyarakat. Seperti pengaruh pemikiran melayu dengan realiti iklim dan lokasi alam melayu, Sintesis Islam dalam Pemikiran Melayu, Formula Kearifan Tempatan Melayu Dalam Hubungan Sosio-Politik-Ekonomi Melayu, Penjagaan Sistem Kekeluargaan Berasaskan Sistem Bilateral

---

<sup>24</sup>M.B. Hooker, *Islamic Law in Southeast Asia* (Singapore, 1984).

<sup>25</sup>Rahim, "Pengamalan Ilmu Usul Al-Fiqh Di Dalam Sastera Undang-Undang Melayu: Satu Analisa," 2003.

<sup>26</sup>Mohd Anuar Ramli, Mohd Norhusairi Mat Hussin, and Mohammad Aizat Jamaludin, "Elemen Sumbangan Dalam Pembahagian Harta Sepencarian : Pengalaman Kaum Wanita Melayu Di Malaysia / Mohd Anuar Ramli, Mohd Norhusairi Mat Hussin and Mohammad Aizat Jamaludin," *Esteem Academic Journal* 8 (2012): 77-92.

Atau Dwisisi (Kognatik), Matematik Mudharabah-Musyarakah lawan Matematik Bunga, Konsep Lestari, dan Ilmu Bukan Untuk Tujuan Kebendaan.

Pengaruh pemikiran melayu dengan realiti iklim dan lokasi alam melayu. Sifat dinamisme bentuk kearifan tempatan Melayu dapat difahami melalui teori iklim yang dibawa oleh Ibn Khaldun. Dalam peta dunia, rantau Alam Melayu yang dikenali sebagai negeri *Di Bawah Angin*<sup>27</sup> dengan watak masyarakat khusus. Ia digambarkan oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa Al-Fatani yang menukulkan mengenai kedudukan alam Melayu serta penduduknya melalui kitab *Tashbilul Amani fi Syarah Awamil al-Jurjani*. Kitab ini siap dikarang pada 12 Rabiul Awal 1300H/21 Januari 1883M.<sup>28</sup> (Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2004: 57). Kenyataan Syeikh Ahmad sebagaimana berikut;

*Adalah sekumpulan penduduk Kepulauan Melayu; Melayu (dibaca) 'mim' dengan baris bawah, atau 'mim' dengan baris di atas serta 'ya' dibaca dengan baris depan. Mereka sekumpulan penduduk yang mempunyai kegemilangan dalam kalangan manusia, negeri mereka paling subur di dunia, letaknya antara negara Hindi dan China, padanya banyak kawasan perlindungan (sewaktu pelayaran). Ahli ilmu geografi menggelarkan setengah negeri mereka negara Hindi dan China dan setengah ahli Hijaz (Makkah dan Madinah) menamakan yang lain, yaitu kebanyakan penduduk dinamakan Jawa. Mereka berada dalam lingkungan rumpun yang besar, mereka dihormati bahasa yang lebih ringan berbanding bahasa penduduk kawasan tersebut. Oleh sebab itu ramai yang menggunakan dalam kalangan ahli Hijaz disebabkan pergaulan penduduk terlibat yang terdiri daripada pelbagai bahasa. Penduduk Melayu kaum yang senantiasa mempunyai niat yang ikhlas, serta jauh sekali tamak serta mempunyai sifat pemaaf. Istimewa kepada mana-mana pihak yang tidak pernah melibat negara mereka serta yang lain dalam kalangan mereka tidak pernah mengemis sekalipun berada dalam kemiskinan tegar. Mereka mempunyai keelokan dalam urusan sebarian, kehalusan seni kraftangan, mempunyai daya kreativiti menyebabkan hasil mudah dieksport. Mempunyai ilmu pengetahuan serta ilmu sains namun dirampas serta dijajah menyebabkan terbantut perkembangan. Adalah negeri-negeri mereka ditindas serta dijajah oleh orang-*

---

<sup>27</sup>Michael Francis Laffan, *Islamic Nationhood And Colonial Indonesia: The Umma Below The Winds* (London: Routledge, 2003).

<sup>28</sup>Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2004).

*orang kafir. Semoga negara-negara Islam dilindungi Allah daripada kemurkaan. Amin*<sup>29</sup>

Masyarakat Alam Melayu merupakan masyarakat maritim (tepi laut) yang terbuka dengan pengaruh luar. Keterbukaan ini disertai dengan budaya ilmu telah menjadi syarat asas yang melahirkan sesuatu tamadun dunia. Mengikut Ibn Khaldun, sifat manusia itu sangat bergantung kepada pengaruh iklim yang berada di sekitar mereka. Atas dasar ini beliau menegaskan bahawa manusia yang ditakdirkan mendiami kawasan iklim sederhana akan melahirkan manusia yang berjiwa lembut, berbanding dengan penduduk kawasan iklim yang panas seperti Timur tengah.<sup>30</sup> Hal ini terbukti apabila Islam secara mudah telah diterima oleh manusia Alam Melayu tanpa menumpahkan darah seperti mana yang berlaku di Timur Tengah, Afrika dan Eropah.<sup>31</sup>

Bertepatan dengan teori ini, kita melihat hasil pengaruh iklim telah melahirkan watak masyarakat Alam Melayu yang berbeza dengan kawasan lain. Kehidupan mereka terpengaruh dengan alam dan laut. Ianya terdiri: Mereka mempercayai kuasa tuhan yang menentukan untung nasib hidup mereka semasa belayar di lautan yang luas. Kuasa ketuhanan ini diperlukan untuk meminta pertolongan apabila terdesak termasuk juga untuk memberikan keyakinan dan ketenangan diri.<sup>32</sup> Lebih tepat lagi, hal ini menyebabkan mereka mempercayai kewujudan dan bergantung kepada kuasa tuhan yang menguasai sepenuhnya kehidupan manusia, mereka menganggap laut sebagai tempat membekalkan rezeki kepada mereka. Atas dasar itu hukum menjaga keseimbangan alam dan lautan mesti dijaga. Sebarang tindakan yang merosakkan alam dan lautan sangat ditegah kerana ianya bakal menjejaskan kehidupan mereka<sup>33</sup>, Seorang yang tabah dan sabar menghadapi gelora lautan. Mereka mudah membantu orang dalam kesusahan. Mereka selalu bersedia

---

<sup>29</sup>Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani, *Tasbilul Amani Fi Syarah Awamil al Jurjani* (Patani: Matbaah Halabi, 1883).

<sup>30</sup>Ibnu Khaldun, *Muqaddimah* (Kairo: Dar al-Fikr, n.d.).

<sup>31</sup>Rahimin Affandi Abdul Rahim, "Analisis Sejarah Dakwah Dan Jalinan Intelektual Rantau Malaysia-Indonesia," in *Jaringan Dakwah Malaysia-Indonesia*, (Bangi: Universitas Kebangkitan Malaysia dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara, 2003), 47–74.

<sup>32</sup>Haron Daud, "Pemikiran Melayu Tentang Alam Dan Hakikat Diri," in *Pemikiran Melayu Tentang Alam Dan Hakikat Diri : Kumpulan Kertas Kerja Kolokium Babasa Dan Pemikiran Melayu/Indonesia 11* (Kuala Lumpur: DBP, 2002), 113–38.

<sup>33</sup>Zainal Kling, "Manusia Melayu, Alam Dan Tamadunnya," in *Globalisme Dan Patriotisme Dalam Sastera Melayu: Kumpulan Kertas Kerja Hari Sastera 1995* (Kuala Lumpur: DBP, 2000).

dengan sebarang hal yang bakal berlaku kerana perubahan cuaca dan monsun di laut, Insan yang sanggup belajar dengan alam - laut sebagai guru yang mengajar dan membentuk pemikiran mereka. Mereka perlu patuh dan akur dengan jadual perubahan monsun setiap tahun. Pada waktu musim tengkujuh, kerja sebagai pelaut tidak akan dilakukan dan menumpukan pada kerja lain.

Untuk belayar meredah lautan mereka memerlukan ilmu pelayaran dan tahu menggunakan bintang di langit sebagai pedoman perjalanan, Manusia yang mudah terbuka dengan pengaruh difusi asing yang datang daripada luar<sup>34</sup>, manusia yang mementingkan elemen kesederhanaan di dalam proses berfikir dan bertindak<sup>35</sup> Mereka mementingkan soal menjaga kerukunan hidup bermasyarakat dan menentang keras sebarang elemen yang bersifat individualism. Ia dapat dirujuk sebagai manusia yang mementingkan kerukunan hidup bermasyarakat (Egalitarian) yang cukup tinggi.<sup>36</sup> Hal ini dilakukan sesama sendiri, bahkan juga kepada masyarakat asing.<sup>37</sup>

*Kedua*, Alam Melayu memang mempunyai sejarah berinteraksi dengan pelbagai bangsa asing. Antaranya bangsa Arab, Parsi, Cina dan Eropah. Ia termasuk juga dengan agama besar dunia, seperti hindu, budhha, Islam dan kristian. Jadi, daripada aspek hubungan dan pendedahan luar, masyarakat Alam Melayu amat dinamik sekali, yang menjadi tempat pertemuan pelbagai budaya dan tamadun besar dunia. Proses ini berlaku dalam bentuk yang adil dan timbal balik. Ia terdorong dengan sifat masyarakat Alam Melayu yang berbentuk terbuka dengan pengaruh luar.

Faktor iklim telah melahirkan watak manusia Melayu watak manusia yang lembut, sederhana, menolak kekerasan, mementingkan kerukunan hidup bermasyarakat dan percayakan kuasa ketuhanan. Hasil daripada pendekatan mesra alam ini telah melahirkan suatu bentuk masyarakat Melayu yang berbeza dengan kawasan lain. Kehidupan mereka secara langsung telah terpengaruh dengan alam dan laut. Ianya terdiri daripada: mereka menganggap laut sebagai

---

<sup>34</sup>Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Umat Islam Di Alam Melayu* (Kuala Lumpur: DBP, 1999).

<sup>35</sup> Abdul Halim Othman and Md Shuaib Che Din, "Hubungan Kekeluargaan Dalam Masyarakat Melayu," in *Psikologi Melayu* (Kuala Lumpur: DBP, 1993), 61–101.

<sup>36</sup>Abdul Halim Othman and Md Shuaib Che Din, "Sifat Kesederhanaan," in *Psikologi Melayu* (Kuala Lumpur: DBP, 1993), 102–9.

<sup>37</sup>Idris Zakaria, "Islam Dan Amalan Toleransi Di Alam Melayu," in *Jaringan Dakwah Malaysia Indonesia* (Bangi: Universitas Kebangkitan Malaysia, 2003), 150–65.

tempat yang membekalkan rezeki kepada mereka. Atas dasar itu hukum menjaga keseimbangan alam dan lautan mesti dijaga sepenuhnya.

Sebarang tindakan yang merosakkan alam dan lautan sangat ditegah kerana ianya bakal menjejaskan kehidupan mereka, Manusia yang mementingkan elemen kesederhanaan di dalam proses berfikir dan bertindak, Manusia yang mementingkan soal menjaga kerukunan hidup bermasyarakat dan menentang keras sebarang elemen yang bersifat individualism. Ianya juga dapat dirujuk sebagai manusia yang memiliki semangat yang mementingkan kerukunan hidup bermasyarakat (Egalitarian) yang cukup tinggi. Pendekatan ini bukan terhad kepada anggota masyarakat Melayu semata-mata, bahkan juga kepada masyarakat asing, Mengamalkan sikap terbuka, sanggup belajar dan selektif dengan pengaruh budaya dan agama asing, dan melahirkan manusia yang mempunyai beberapa watak tertentu seperti; (a) tugas sebagai nelayan menyebabkan mereka mempercayai adanya kuasa tuhan yang menentukan untung nasib hidup mereka semasa belayar di lautan yang luas. Kuasa ketuhanan ini diperlukan untuk meminta pertolongan apabila terdesak termasuk juga untuk memberikan keyakinan dan ketenangan diri. Ini menyebabkan mereka menjadi manusia yang mempercayai kewujudan dan bergantung kepada kuasa tuhan yang menguasai sepenuhnya kehidupan manusia di alam nyata dan alam ghaib, (b) seorang yang tabah dan sabar dalam menghadapi gelora lautan. Mereka juga akan mudah membantu orang lain yang dalam kesusahan. Mereka akan selalu bersedia dengan sebarang hal yang bakal berlaku kerana perubahan cuaca dan monsun di laut, (c) insan yang sanggup belajar dengan alam-laut sebagai guru yang mengajar dan membentuk pemikiran mereka. Mereka perlu patuh dan akur dengan jadual perubahan monsun setiap tahun. Pada waktu musim tengkujuh kerja nelayan tidak akan dilakukan dan menumpukan pada kerja lain. Untuk belayar meredah lautan mereka memerlukan ilmu pelayaran yang sistematik dan tahu menggunakan bintang di langit sebagai pedoman perjalanan.

Jika dilakukan perbandingan, masyarakat Melayu memang berbeza dengan paradigma Barat yang berteraskan Materialistik-Mekanisme. Mereka menganggap alam sebagai sumber utama yang berupa material-mekanis semata-mata dan tidak mempunyai nilai spiritual (nyawa) yang perlu bergantung kepada kuasa ketuhanan. Pandangan ini telah melahirkan sifat sekularis dan individualistik yang lebih menjurus kepada mementingkan kebajikan manusia

berbanding dengan kebajikan alam sehingga menimbulkan pelbagai masalah ekologi dunia yang amat serious.<sup>38</sup>

Sentesis Islam dalam Pemikiran Melayu. Memang menjadi Rahmah Allah menganugerahkan manusia dengan 3 sumber untuk melayakkan mereka menjadi khalifah untuk membangunkan tamadun. Ia terjadi kepada semua generasi manusia. Antara sumber ini; (i) Akal - potensi bersama dengan iradah diri yang mampu dipergunakan secara abstrak dan praktikal dalam menghadapi kehidupan; (ii) alam dengan segala manfaatnya dapat menjadi sumber mendapatkan rezeki dan ilmu pengetahuan dan (iii) wahyu Allah yang memberi panduan untuk hidup dunia dan akhirat. Intipati wahyu ini dipelajari dan disusun menjadi formula untuk dijadikan panduan hidup.

Mengikut Othman Yatim, maklumat epistemologi Islam telah melahirkan dua bentuk pemikiran Melayu; Rasionalism dan empiricisme sekaligus.<sup>39</sup> Hal ini jelas terbukti apabila manusia Melayu menekankan kepada menumpukan pembelajaran dengan alam semesta (Ayat Kawaniyyah) sehingga terhasil teori/hukum alam (konsep adat) yang bersifat kekal seperti perpatih *biar mati anak jangan mati adat* dan bersifat fletidak ible yang perlu berubah mengikut keperluan semasa (seperti perpatih *sekali air bah sekali pasir pantai berubah*).<sup>40</sup> Apa yang jelasnya, mengikut perspektif manusia Melayu-Islam proses belajar dan berinterkasi dengan alam ini telah melahirkan falsafah berguru dengan alam ataupun *berpengALAMAn*.

Hasil sentesis konsep epistemologi Islam dengan akal Melayu kemudiannya telah memantangkan kaedah pemikiran Melayu. Penggunaan akal manusia Melayu dilakukan melalui metafora, alegorikal dan rasional. Ia terdiri daripada akal *Aktual* (potensi dan fitrah yang dimiliki sejak manusia lahir-bersifat tidak berkembang) dan akal *Muktasab* (diperolih dengan cara belajar, membaca dan mengkaji-bersifat sentiasa berkembang).<sup>41</sup> Mengikut Hassan Ahmad, hanya bangsa dan manusia yang cerdik dan pintar sahaja yang mampu berfikir secara aktif menggunakan kaedah metafora. Berfikir secara metafora ini

---

<sup>38</sup>Zaini Ujang, "Tinjauan Terhadap Pendidikan Bersepadu: Suatu Sorotan Dalam Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar," *Jurnal Pendidikan Islam*, 2, no. 1 (1989): 39–42.

<sup>39</sup>Othman Md. Yatim et al., "Tradisi Intelektual Melayu-Islam: Daripada Metafora Kepada Saintifikisme," *Jurnal Melayu* 6 (2011): 73–85.

<sup>40</sup>Abdullah Alwi Haji Hassan, "Adat Melayu Mengikut Perspektif Perundangan Orang Islam Di Malaysia," in *Adat Melayu Serumpun* (Kuala Lumpur: DBP, 2001), 65–66.

<sup>41</sup>Hassan Ahmad, "Bahasa Dan Pemikiran Melayu : Tradisi Dan Kesenambungan," in *Pemikiran Melayu : Tradisi Dan Kesenambungan* (Kuala Lumpur: DBP, 2004), 1–12.

dibuat secara perumpamaan, kiasan dan ibarat yang kemudiannya diungkap dengan bahasa yang berlapis maknanya. Ia bakal menjana pemikiran aktif bagi setiap pendengarnya bahawa selain daripada maksud literal, masih terdapat maksud di sebaliknya yang berisi pengajaran penting yang boleh dimanfaatkan. Lebih penting lagi, ianya diungkap dengan bahasa yang indah, padat, halus sekali susunan ayatnya dan bermatlamatkan memberikan pengajaran kepada anggota masyarakat.<sup>42</sup>

Antara lainnya ia berbentuk penelitian sesuatu fenomena kehidupan dan alam secara mendalam dan bersifat saintifik (dibuat secara terperinci dan berulang kali). Banyak perpatah Melayu tentang konsep kemasyarakatan dan sains lahir hasil interaksi akal dengan pengalaman hidup dan alam semesta.<sup>43</sup> Ia dikaji oleh pemikir Melayu secara mendalam dan berulang kali, yang kemudiannya dinukilkan dalam bentuk perpatah untuk dimanfaatkan oleh anggota masyarakat.<sup>44</sup>

Dalam bahasa yang lebih mudahnya, otak manusia Melayu memang hebat kerana ia mengabungkan 4 jenis kognitif pemikiran sekaligus. Bahkan ke 4 kaedah kognitif ini telah dilakukan sebelum mereka mengenal tradisi tulisan, yaitu: Berfikir secara kreatif dan selektif. Mereka mampu meminjam kata-kata asing untuk menyatakan konsep baru yang abstrak. Contohnya mereka meminjam kata-kata dan istilah Islam seperti *baqa*, *fana*, wujud dan ilmu untuk menerangkan konsep Islam yang abstrak, Berfikir secara metafora - bahasa berlapis dengan menggunakan bahasa literal sebagai struktur bahasa luaran untuk memprojekkan makna yang bersifat konseptual (makna lapisan kedua)-ia dibuat melalui proses perbandingan, Perumpamaan, tamsilan ibarat. Kaedah berfikir ini terdapat dalam peribahasa dan perpatah Melayu. Bahasa metafora ini bagi Aristotle hanya mampu digunakan oleh akal yang genius, Berfikir secara aktif berfikir dan bertertib yang diungkap dengan kata-kata yang padat dan puitis untuk menyatakan sesuatu nilai dan prinsip hidup yang syumul. Tanda kepintaran akal Melayu terbukti dalam peribahasa dapat dilihat kepada 3 aspek; (a) makna perpatah sangat mendalam, terbuka dan tahan zaman, (b) makna yang luas disampaikan dalam 4 patah perkataan, (c) diungkap dalam bahasa tersusun dan puitis, dan Berfikir secara rasional, alami dan analogikal.

---

<sup>42</sup>Saad Shukri Hj Muda, in *Kamus Simpulan Bahasa* (Kota Bharu: Pustaka Dian, 1960).

<sup>43</sup>Ithnin Abdul Jalil, "Pemikiran Saintifik Orang Melayu Melalui Peribahasa," in *Kosmologi Melayu* (Kuala Lumpur: APMUM, 2001), 452–60.

<sup>44</sup>Hassan Ahmad, "Bahasa Dan Pemikiran Melayu : Tradisi Dan Kesenambungan," in *Pemikiran Melayu : Tradisi Dan Kesenambungan* (Kuala Lumpur: DBP, 2004), 1–12.

Melalui pantun kita dapat mengetahui otak Melayu menggunakan penggunaan otak kanan (imiginasi) dan otak kiri (rasional) sekaligus. Hal ini boleh dilihat dalam pantun melalui penggunaan pembayang (imiginasi) dan maksud. Pisang emas dibawa belayar (elemen imiginasi)-hutang emas boleh dibayar (maksud) Jadi, Dato Hassan Ahmad menegaskan bahawa otak Melayu memang bergeliga kerana otak mereka seperti Einsten yang mampu mengabungkan pemakaian pemikiran secara intuition (imiginasi) dan rasional serentak.<sup>45</sup>

Formula Kearifan Tempatan Melayu Dalam Hubungan Sosio-Politik-Ekonomi Melayu. Shahrir Md Zin menjelaskan formula Kearifan Tempatan Melayu ditenggelamkan kerana faktor penjajahan pihak British di Alam Melayu. Pihak British telah menerapkan epistemologi kolonial yang memperkecilkan keupayaan Kearifan Tempatan Melayu.<sup>46</sup> Ia antara lainnya berupa *world-view* barat dalam soal matlamat hidup, apa yang penting, bagaimana pengurusan serta penyelesaian masalah dan terpenting sekali mereka menolak semua *world-view*, cara hidup dan paradigma pemikiran Melayu Islam; yaitu: Semua sistem yang bertentangan dengan *world-view* barat seperti sistem Melayu-Islam akan dianggap sebagai ketinggalan zaman dan hanya mementingkan suatu etnik tertentu semata-mata<sup>47</sup>, dan memperkenalkan kerangka pemikiran sekularisme dalam pemikiran masyarakat Melayu. Ianya terdiri daripada; (a) Pengosongan alam tabii dan akal insani daripada unsur ketuhanan–manusia bebas melakukan sesuatu program pembangunan tanpa mempedulikan kuasa tuhan, (b) Penafian terhadap kekuasaan politik yang berdasarkan sumber agama, (c) Pengenalalan sistem penilaian nisbi/relatif terhadap agama; manusia bebas menentukan masa depannya sendiri, (d) Penurunan taraf ilmu agama, berbanding dengan ilmu bukan agama– tumpuan lebih diberi kepada ilmu bukan agama yang kononnya boleh membawa kemajuan, dan (e) Penakrifan konsep kebenaran yang keliru dan mengikut paradigma sekularisme.

Selepas merdeka, kalangan akademia di Malaysia menerimapakai konsep ilmu barat seolah-olah ia muncul sejak azali lagi. Sedangkan konsep ilmu kolonial ini penuh dengan agenda kolonial. Formula Kearifan Tempatan

---

<sup>45</sup>Othman Md. Yatim et al., “Tradisi Intelektual Melayu-Islam.”

<sup>46</sup>Mohd Hazim Shah, “Historicizing Rationality: The Transmission Of Rationality And Science To The Malay States Under British Rule” 35 (2007): 216–41.

<sup>47</sup>Mohd. Zariat Abdul Rani, “Antara Islam Dan Hinduisme Di Alam Melayu: Beberapa Catatan Pengkaji Barat,” *SARI: Jurnal Alam Dan Tamadun Melayu* 23 (2005): 67–82.



Melayu adalah berasaskan kepada beberapa prinsip utama, yang berbeza dengan sistem barat. Antaranya;

*Prinsip Wasatiyyah Lawan Kepada Konsep Pengoptimum.* Konsep Pengoptimum tajaan barat ini diasaskan kepada *world-view* Kapitalisme. Ia telah dipakai oleh masyarakat eropah abad 18 telah dipaksakan pemakaiannya di Alam Melayu.<sup>48</sup> Ia menekankan usaha yang lebih meningkatkan keuntungan mengatasi tahap biasa. Ia adalah sistem ekonomi dan sosial yang berkembang di barat. Bahkan tamadun barat pada waktu itu dikenali dengan nama tamadun kapitalis (*capitalist civilization*). Ia diasaskan kepada *world-view* Kapitalisme berupa kepercayaan, pemikiran dan pendekatan terhadap kaedah menguruskan ekonomi. Semangat kapitalisme pegangan British menyatakan manusia sebagai *homo economicus*. Ia berupa sikap hati-hati, bijaksana, rajin dan bersungguh-sungguh dalam melakukan perniagaan. Dalam soal ini manusia perlu bergantung sepenuhnya kepada sifat ketamakan manusia tanpa ada campur tangan daripada agama. Semangat ini yang mendorong perkembangan kolonialisme di barat dalam era Mercantilisme (1500-1750).

Hal yang sebaliknya dipakai oleh masyarakat Melayu. Keuntungan material bukan segalanya. Tetapi lebih menekankan kepada sifat berpeda, sederhana, berhemah, adil dan seimbang. Konsep kesederhanaan ini meliputi fikiran dan tindakan dalam konteks hubungan manusia dengan alam, makhluk dan Tuhan. Ia ditekankan untuk mewujudkan keharmonian antara manusia sesama manusia, dengan alam dan juga Tuhan bagi mengelakkan kemudharatan dan juga bencana. Contohnya, dalam konteks perubatan Melayu, konsep kesederhanaan dilihat penting dalam usaha mencegah penyakit. Kesederhanaan pada makanan misalnya mampu bertindak sebagai ‘ubat yang terlebih utama daripada sekalian ubat’ dengan mengamalkan makan dan minum hanya ketika lapar dan dahaga serta berhenti sebelum kenyang.<sup>49</sup>

*Sistem Mantik Terhad Lawan Mantik Terbuka.* Sistem logik Melayu bukan bersifat mendesak secara keras dalam bentuk hitam putih tanpa mempertimbangkan hujah pihak lawan. Ia bertentangan dengan sistem mantik barat yang bersifat dua-nilai, Ya atau Tak sahaja. Sistem mantik Melayu bersifat tidak menzalimi orang, halus berseni dan penuh dengan kata-kata yang

---

<sup>48</sup>Shaharir B.M.Z, “Pendekatan Baru Terhadap Konsep Optimum Barat Dan Beberapa Konsep Optimum Baru Dalam Acuan Sendiri,” *Kesturi*, 16, no. 1–2 (n.d.): 55–96.

<sup>49</sup>Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid and Nurul Wahidah Fauzi, “Perubatan Melayu Tradisional: Kitab Tibb Pontianak,” *Journal of Al-Tamaddun* 7, no. 1 (June 30, 2012): 149–62, <https://doi.org/10.22452/JAT.vol7no1.10>.

merendahkan diri. Hasil kajian Noriati A. Rashid yang dibuat terhadap sifat kesantunan (sifat pengaulan dan kominikasi yang baik dan mengelakkan pertelingkahan) masyarakat Melayu mendapati bagaimana masyarakat Melayu bukan setakat mementingkan soal kesantunan ini secara teoritikal semata-mata, bahkan turut disertai dengan pelan tindakan yang cukup komprehensif. Antara strategi kesantunan masyarakat Melayu adalah; Berasaskan sifat ikhlas, Sifat merendah diri, Mementingkan sifat maaf dan ucapan terima kasih, Mencari alasan yang munasabah, Mempergunakan sumber rujukan Islam sebagai dalih untuk menolak sesuatu permintaan dan Mempergunakan ungkapan Rabbani (unsur Islam).<sup>50</sup>

*Kepentingan Menjaga Sistem Hirarki Dan Pendidikan Insan Dalam Masyarakat.* Ia membabitkan hubungan tua-muda, ketua masyarakat dan hubungan kekeluargaan. Masyarakat Melayu mementingkan soal menjaga kerukunan hidup bermasyarakat dan menentang keras sebarang elemen yang bersifat individualism.<sup>51</sup> Ianya juga dapat dirujuk sebagai manusia yang memiliki semangat yang mementingkan kerukunan hidup bermasyarakat (Egalitarian) yang cukup tinggi.<sup>52</sup> Ia bukan terhad kepada anggota masyarakat Melayu semata-mata, bahkan juga kepada masyarakat asing.<sup>53</sup>

Dalam masyarakat Melayu, pendidikan manusia amat dipentingkan yang dikenali dengan *konsep menjadi orang*.<sup>54</sup> Ia dapat diperincikan sebagai; (1) seseorang manusia ataupun orang (bagi membezakannya dengan makhluk lain seperti haiwan dan jin) terbentuk daripada tiga elemen yang utama, roh, jasad dan akal yang perlu dibangunkan secara bersepadu di dalam program pembangunan masyarakat.<sup>55</sup> (2) Proses pendidikan masyarakat lebih berteraskan kepada institusi kekeluargaan yang perlu memainkan peranan terpenting untuk pembentukan orang yang berguna. Ianya menonjolkan neraca

---

<sup>50</sup>Noriati A Rashid, "Konsep Kesantunan Dalam Masyarakat Melayu," *Jurnal Antarbangsa Dunia Melayu*, 3, no. 1 (2005): 112–28.

<sup>51</sup>Norazit Selat, "Nilai Kerja Dalam Masyarakat Melayu," in *Budi Kencana: Kumpulan Makalah Memperingati Persaraan Profesor Tan Sri Dato' Ismail Hussien* (Kuala Lumpur: APMUM, 1994), 61–101.

<sup>52</sup>Othman and Din, "Sifat Kesederhanaan."

<sup>53</sup>Zakaria, "Islam Dan Amalan Toleransi Di Alam Melayu."

<sup>54</sup>Kim Keum Hyun, "Konsep Jadi Orang Dalam Masyarakat Melayu: Satu Kajian Kes Di Negeri Terengganu" (Skripsi, University malaya, 1995).

<sup>55</sup>Hashim Musa, *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arab Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Baru* (Kuala Lumpur: APMUM, 2001).

dan sifat manusia terbaik (idola) yang berasaskan kepada konsep budi bahasa Melayu dan bukannya seperti mana difahami oleh masyarakat moden semasa. Mengikut kaca mata masyarakat Melayu silam, orang yang dianggap mempunyai nilai etika dan moral yang tinggi dan dipandang mulia dalam masyarakat akan dinamakan sebagai orang yang *Budiman*; merujuk kepada orang yang mempunyai budi pekerti, budi bahasa, budi bicara, akal budi dan adab sopan yang tinggi dan mulia.<sup>56</sup> Secara lebih mendalam lagi, ciri-ciri budiman ini dapat diperjelaskan; (a) *Budi pekerti dan adab sopan yang mulia* – tingkah laku, keperibadian, fiil perangai dan tindak tanduk yang baik, sopan santun, sesuai, wajar, pemurah, penyayang dan penuh menyumbang dan bermanfaat kepada masyarakatnya, (b) *Budi bahasa dan budi bicara* –pertuturan yang manis, sopan, positif, bijaksana, bernas dan penuh pengajaran serta sumbangan kepada khalayak dan pendengarnya dan (c) *Akal budi dan hati budi* –akal fikiran dan hati kalbu yang sarat dengan ilmu, kebijaksanaan, ketenangan, kewarasan, kemuliaan dan kebaikan. (3) Mementingkan kaedah penyemaian adab bagi menjamin sistem hiraki dalam kehidupan bermasyarakat berjalan dengan baik. Mengikut kajian Hashim Musa yang dibuat terhadap karya Raja Ali Haji, terdapat 9 kaedah penyemaian adab dalam masyarakat Melayu, yang dirasakan masih relevan lagi pada masa sekarang. Ianya terdiri dari;<sup>57</sup>Adab kepada Allah, Adab orang berilmu, Adab menuntut ilmu, Adab dengan ibubapa, Adab dengan ahli keluarga, Adab dengan sanak saudara dan sahabat handai, Adab pada orang yang dikenali, Adab pembesar negeri yang hampir dengan raja dan Adab dalam pergaulan.

Kesemua adab-adab ini telah diperincikan oleh Raja Ali Haji, bagi tujuan memudahkan masyarakat Melayu silam memahami dan mengamalkannya di dalam kehidupan seharian. Kepentingan hal ini amat ketara sekali pada zaman sekarang, memandangkan sesetengah kalangan masyarakat khususnya generasi muda, pemimpin dan keluarga yang dikesan telah mula dihidapi sindrom kehilangan adab, yang menyebabkan segala bentuk hubungan dan proses interaksi di antara hiraki masyarakat menjadi keliru.<sup>58</sup>

---

<sup>56</sup>Hashim Musa, *Falsafah, Logik, Teori Nilai Dan Etika Melayu: Suatu Pengenalan* (Kuala Lumpur: APMUM, 2001).

<sup>57</sup>Musa, *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arab Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Baru*.

<sup>58</sup>Wan Mohd Nor Wan Daud, *The Educational Philosophy And Practice Of Syed Muhammad Naquib Al-Attas* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1998).

*Penjagaan Sistem Kekeluargaan Berasaskan Sistem Bilateral Atau Dwisisi (Kognatik).* Sistem kekeluargaan Masyarakat Melayu bukan berbentuk patriaki atau matriaki (khusus masyarakat Minangkabau sahaja). Ia menekankan peranan ibu dan bapa yang sama penting. Justeru, kaum ibu bekerjasama dengan bapa untuk mencari rezeki. Hal ini berbeza dengan masyarakat Arab yang didominasi oleh kaum bapa.<sup>59</sup>

Anak bagi masyarakat Melayu, samada lelaki atau perempuan merupakan harta yang paling bernilai sehingga ia digelar sebagai *Cahaya Mata* yang dikurniakan Allah. Bagi masyarakat Melayu, anak bukan lah suatu bebanan seperti mana difahami oleh masyarakat barat. Anak dianggap sebagai harapan dan masa depan tempat ahli keluarga seperti ibu bapa bergantung harap di hari kemudian. Tidak diamalkan pendekatan bias gender di antara anak lelaki dan perempuan. Kalau adapun perbezaan ini, ianya dibuat bersesuaian dengan perwatakan jantina seseorang anak. Anak perempuan yang biasanya bersifat lembut akan ditugaskan untuk membantu kerja ibu di rumah (domestic work), manakala anak lelaki yang mempunyai sifat kasar dan kuat akan ditugaskan untuk membantu kerja bapa di luar rumah.

Matematik Mudharabah-Musyarakah lawan Matematik Bunga. Model Matematik bunga hanya berbentuk pembeza/diferensial (berketentuan atau berstokastik) bagi sepihak sahaja yang hanya menguntungkan satu pihak semata. Model Matematik musyarakah (termasuklah mudharabah) adalah melibatkan kedua-dua pihak, pihak institusi kewangan dan pihak pelayan, yang berinteraksi antara satu dengan lain sepanjang masa. Maknanya, Masyarakat Melayu menentang keras sebarang aktiviti ekonomi yang menindas dan menguntungkan satu pihak semata-mata.

Konsep Lestari. Pihak British yang menjajah Tanah Melayu berpegang kepada paradigma materialistik-mekanisme yang menganggap alam sebagai sumber utama yang berupa material mekanis semata-mata dan tidak mempunyai nilai spiritual (nyawa) yang perlu bergantung kepada kuasa ketuhanan. Pandangan ini telah melahirkan sifat sekularis dan individualistik yang lebih menjurus kepada mementingkan kebajikan manusia berbanding dengan kebajikan alam sehingga menimbulkan pelbagai masalah ekologi dunia yang amat serius. Hasilnya, berasaskan kepada paradigma ini, dua penekanan telah diberikan; a) alam dan segala isinya dianggap sebagai sumber utama yang

---

<sup>59</sup>Ramli, "Asas Hukum Dalam Budaya: Kajian Terhadap Beberapa Aspek Hubungan Social Dalam Kebudayaan Malaysia."

bakal menambahkan kekayaan manusia sekularis yang perlu diperah hasilnya semaksimum mungkin; b) Alam perlu diteroka dan dikaji mengikut kerangka pemahaman saintifik materialism sekularisme agar segala hukumnya yang bersifat praktikal boleh dikaji demi untuk kepentingan manusia moden.

Berbanding dengan pendekatan barat yang menganggap alam boleh dipergunakan untuk mendapatkan keuntungan segera,<sup>60</sup> pendekatan lestari Melayu lebih berteraskan; *Sustainability is the state whereby present physical, social, political, economic, knowledge, spiritual-religious and the survival of language and culture are achieved and at the level of mustdo without sacrificing related resources and all creatures created by God so that future generations can enjoy happiness in this life and in the netidak t world, at the very least as good as this generation.*<sup>61</sup>

Ilmu Bukan Untuk Tujuan Kebendaan. Konsep ilmu Melayu Islam bertentangan dengan pemahaman masyarakat barat. Sebaliknya ia lebih bertepatan dengan konsep budaya ilmu. Ilmu adalah untuk tujuan mendapatkan keredaan Allah dan memperlengkapkan diri sebagai manusia. Hal ini boleh dikesan dengan konsep menjadi orang dalam pemahaman orang Melayu. Ilmu bukannya untuk tujuan keuntungan dan kekayaan semata-mata.

### **Kitab Jawi Dianggap Sebagai Karya Kearifan Tempatan Melayu**

*Penciptaan Tulisan Jawi Sebagai Wadab Ilmu.* Kearifan tempatan Melayu yang terpenting sekali adalah penciptaan Tulisan jawi. Kitab jawi dihasilkan menggunakan tulisan jawi yang dicipta dan disempurnakan oleh ulama Melayu. Secara kronologinya, proses penghasilan kitab jawi pada abad 16-20 di Alam Melayu telah berjalan dalam tiga era yang berbeza. Ia sesuai dengan teori yang dibawa oleh Syed Naqib Al-Attas yang menegaskan perkembangan Islam di Alam Melayu terbahagi kepada 3 zaman;<sup>62</sup> yaitu: (1) Era tahun 1200-1400: era penerimaan Islam secara luaran semata. (Norminal conversion) Nilai-nilai pra Islam seperti feudal masih kuat dipegang oleh masyarakat Melayu, (2) era tahun 1400-1700: era kegemilangan Islam dengan berkembangnya sistem pendidikan Islam dan lahirnya kitab jawi. Islam menjadi elemen terpenting masyarakat

---

<sup>60</sup>Wan Norhaniza Wan Hasan and Mohd Shukri Hanapi, "Analysis Of The Development Indice's Paradigms," *Global Journal Al Thaqafah* 4, no. 1 (June 30, 2014): 113–26, <https://doi.org/10.7187/GJAT592014.04.01>.

<sup>61</sup>Shaharir b.M.Z and Alinor M.b.A.K, "The Need for A New Definition of Sustainability," *Journal of Indonesian Economy and Business* 28, no. 2 (May 5, 2013): 251–268.

<sup>62</sup>S.M Naqib al-Attas, *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago* (Kuala Lumpur, 1969).

Melayu dan (3) era 1700-2000: era kemunduran tamadun Islam dengan penjajahan kuasa barat.

Terdapat pandangan yang mengatakan tulisan jawi dicipta oleh mubaligh Arab atau Melayu yang awal berasaskan huruf Arab. Selepas mubaligh awal mencipta tulisan jawi, generasi ulamak kedua telah memupuk dan memperkasakan lagi ajaran Islam.<sup>63</sup> Elemen kegenuisan mubaligh awal ini terserlah dalam beberapa perkara;

- a. Penciptanya memahami sifat manusia sebagai homo sapien (hanya boleh hidup dengan wujudnya sistem komunikasi).<sup>64</sup> Ia dicipta untuk tujuan komunikasi dan penyebaran Islam yang lebih berkesan.
- b. Selain bergantung kepada aksara arab, beberapa huruf baru dicipta bagi menyesuaikan dengan lidah orang Melayu. Kemudiannya ia sentiasa disemak dan disempurnakan oleh sarjana Melayu. Menurut Hashim Musa, selain bergantung kepada abjad arab yang terdiri dari 29 abjad Arab, terdapat lagi lima abjad baru yang mewakili bunyi dalam bahasa Melayu yaitu (cha چ), (nga غ), (pa ف), (ga ك) dan (nya پ). Seterusnya pada tahun 1984 satu lagi huruf baru ditambah bagi mewakili abjad v yaitu (va و). Pada tahun 1988 Dewan Bahasa dan Pustaka telah menyenaraikan 37 abjad jawi yang digunakan dalam bahasa Melayu.
- c. Dinamisme tulisan jawi telah melalui beberapa fasa perkembangan; (1) Pada kurun 16M, tulisan jawi hampir menyamai tulisan Arab dengan menggunakan tanda baris bagi membunyikan huruf. (2) Pada kurun ke 17M, tulisan jawi tidak lagi meletakkan tanda baris sebagaimana tulisan Arab c. Pada kurun ke 18M, telah diwujudkan huruf-huruf saksi yaitu (alif ا), (waw و) dan (ya ي). Dengan kewujudan huruf-huruf saksi ini maka tulisan jawi telah membina identitinya tersendiri. (3) Pada kurun ke 19M hingga 20M, perkembangan pertambahan huruf jawi berlaku dan tulisan jawi meneruskan pembinaan identitinya.
- d. Ia memperkayakan muatan makna bahasa Melayu dengan istilah arab yang datang bersama dengan ajaran Islam. Terpenting sekali, kitab jawi ditulis menggunakan sistem tulisan jawi dapat mengungkap idealism Islam. Atas dasar itu, sarjana barat sendiri mengakui bahawa wujudnya sistem tulisan

---

<sup>63</sup>Rahimin Affandi Abd Rahim, "Pengamalan Ilmu Usul Al-Fiqh Di Dalam Sastera Undang-Undang Melayu: Satu Analisa," in *Kesusasteraan Dan Undang-Undang, Penerbitan Akademi Pengajian Melayu*, 2003, 188–230.

<sup>64</sup>Quran 49: 6; 3 : 104 dan 16 : 125.

menjadi mercu tanda kewujudan tamadun ilmu di sesuatu kawasan. Ia menjadi medium untuk masyarakat menerima ilmu, menterjemahkan karya ilmu Islam luar, mengungkap pemikiran dan mengaplikasikan ilmu dalam kehidupan. Hal ini semakin jelas apabila bahasa Melayu menggunakan tulisan jawi telah menjadi lingua franca Alam Melayu. Ia diakui oleh dunia akademia Islam antarabangsa. Ia termasuk diakui oleh masyarakat eropah sendiri. Mereka telah menulis kamus bahasa Melayu yang agak laris di eropah bagi sesiapa yang ingin berdagang di Alam Melayu. Contohnya, kamus dan buku tata bahasa Melayu yang disusun oleh Marsden, W. (1812. *A Grammar of the Malayan Language*) pada masa ini mendapat sambutan hangat di Eropah, memandangkan bahasa Melayu telah lingua franca di Alam Melayu.<sup>65</sup>

- e. Ia dapat membasmi fenomena buta huruf di kalangan masyarakat Melayu. Di zaman pra Islam, orang Melayu adalah masyarakat buta huruf kerana sistem tulisan menjadi hak eksklusif golongan pembesar semata-mata.

*Jaringan Ilmu Antara Ulama Kitab Jawi Dengan Ulama Haramayn.* Guru ulama Alam Melayu pada abad ke 16-19 adalah terdiri daripada ulama Haramayn.<sup>66</sup> Contohnya, Syeikh Ahmad al-Qusyasyi yang merupakan guru kepada Syeikh Ibrahim al-Kurani dan Syeikh Abdul Rauf al-Fanshuri adalah murid dari Syeikh Sibagihat Allah (w. di Madinah 1015/1606) dalam Thariqah Syathariyah. Walaupun beliau adalah pengamal Thariqah Syathariyah, namun Syeikh Ahmad al-Qusyasyi juga memegang ijazah pelbagai thariqat. Yang paling berpengaruh di antara murid-muridnya selain Syeikh Ibrahim al-Kurani adalah Syeikh Abdullah bin Syeikh al-‘Aydrus (guru dari Sayyid Umar Ba Syaiban yang merupakan guru dari Syeikh Nuruddin al-Raniry), Hasan bin Ali al-‘Ajami, Sayyid al-‘Alamah al-Wli Barakaat al-Tunisi, Sayyid Abdul Khaliq al-Hindi al-Lahuri, Sayyid Abdurrahman (al-Mahjub) al-Maghribi al-Idrisi, Sayyid Abdullah Bafaqih, Sayyid Ali al-Syaibani al-Zabidi dan sejumlah ulama terpandang Yaman lainnya dari keluarga ‘Alawi dan Ja’man (beberapa tokoh utama

---

<sup>65</sup>Hashim Musa, Rozita Che Rodi, and Salmah Jan Noor Muhammad, “Pelestarian Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Utama Dalam Persuratan Dan Pembudayaan Ilmu, Sains Dan Teknologi Di Rantau Ini,” *Jurnal Antarabangsa Alam Dan Tamadun Melayu (Iman)* 2 (May 2014): 3–19.

<sup>66</sup>Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah Dan Kepulauan Alam Melayu Abad XVII Dan XVIII* (Bandung: Mizan, 1994).

keluarga ini juga merupakan guru-guru Syekh Abdul Rauf al-Fanshuri dan Syekh Yusuf al-Makassari).

Hubungan antara pelajar Alam Melayu dengan guru Haramayn amat rapat. Mekanisme terpenting yang menyebabkan hubungan ini menjadi rapat adalah kerana ia terjalin dengan autoriti isnad hadis dan silsilah tarekat. Para murib Alam Melayu ini menjadi medium utama bagi proses transmisi *Tradisi Besar Islam* dari Haramayn ke wilayah Alam Melayu. Antara ulama terkemuka yang terlibat dalam proses ini, antara lain Nuruddin al-Raniri (w.1658), Abdul Rauf al-Sinkili (1615-1693), dan Muhammad Yusuf al-Makassari (1629-1699) pada abad 17; Abdussamad al-Palimbani, Shaikh Arshad al-Banjari (1710-1812), dan Shaikh Dawud al-Patani (w. 1847), pada abad 18 dan awal abad 19; Shaikh Nawawi al-Bantani (1813-1879), Ahmad Rifa'i Kalisalak (1786-1870) Shaikh Ahmad Khatib Sambas (1803-1875) pada abad 19; Muhammad Saleh Darat al-Samarani (w. 1903M), Shaikh Ahmad Khatib al-Minangkabawi (1860-1916), dan Muhammad Yasin al-Padani (1917-1990) pada abad 20.<sup>67</sup>

Karier ulama Alam Melayu graduan Haramayn ternyata agak hebat. Contohnya, Shaikh Abdul Rauf Ali, setelah 19 tahun belajar agama pada tidak kurang dari 15 orang guru, 27 ulama terkenal, dan 15 tokoh sufi di Jeddah, Mekah, Madinah, Mokha dan Bait al-Faqih apabila kembali ke Aceh, ia menjadi ulama terkemuka. Ia kemudiannya didatangi oleh sejumlah murid yang ingin belajar ilmu agama, seperti Shaikh Burhanuddin Ulakan dari Sumatra Barat dan Shaikh Abdul Muhyi Pamijahan dari Jawa Barat. Berikutnya, Burhanuddin Ulakan dan Abdul Muhyi ini juga memiliki sejumlah murid di kawasan masing-masing. Hal ini kemudiannya membentuk tradisi Islam tempatan yang sangat dinamis dan beragam.

Di zaman selepas abad ke-17, hubungan Ulama Haramayn dan *Ashab al-Jawi* telah semakin bertambah dan hal ini memberi manafaat ilmu yang besar kepada masyarakat Haramayn dan Alam Melayu sendiri. Ulama Melayu dari kalangan *Jama'at al-Jawiyin* telah berguru di Haramayn dan terpenting sekali mereka telah menjadi penghubung bagi tersebarnya berbagai doktrin, konsep, ajaran dan pemikiran intelektual-keagamaan yang berasal dari Haramayn di dunia Alam Melayu.

Walaupun ulama Melayu telahpun tamat belajar dan kembali ke tanah air sendiri namun hubungan intelektual antara *jama'at al-Jawiyin* dengan Ulama

---

<sup>67</sup>Azra Azyumardi, "The Significance of Southeast Asia (the Jawah World) for Global Islamic Studies : Historical and Comparative Perspectives," 2015, <https://doi.org/10.14989/198357>.



di Haramayn tetap berterusan. Bahkan hubungan ini diperkukuhkan dengan rasa tanggungjawab moral apabila mereka menyampaikan ilmu-ilmu Islam terbabit ke kawasan sendiri. Hal ini berlaku dengan beberapa bentuk utama, yaitu: penggunaan kitab agama Haramayn sebagai rujukan utama di pondok dan institusi agama, menterjemahkan kitab yang muktabar, menulis kitab sendiri yang disesuaikan dengan reality Alam Melayu dan melaporkan perkembangan kehidupan keagamaan di Alam Melayu kepada guru-guru di Haramayn. Ia diikuti dengan langkah meminta penjelasan dan fatwa bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Contoh bagi kaedah keempat ini boleh dilihat kepada apa yang dilakukan oleh Abdul Rauf (Syiah Kuala) di Aceh. Beliau telah melaporkan pergolakan agama di wilayah yang disebut dengan *bilad al-Jawah* kepada gurunya Ibrahim al-Kurani. Abdul Rauf turut meminta gurunya untuk menulis penjelasan tentang kitab *al-Tuhfah al-Mursalah* yang menjadi sumber salah faham tentang doktrin *wahdatul wujud* di dunia Alam Melayu. Berdasarkan laporan tersebut, Ibrahim al-Kurani telah mengarang karya monumental berupa kitab *Ithaf al-Dhaki bi sharh al-Tuhfah al-mursalah ila al-Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallama*, sebagai respon kepada permintaan Abdul Rauf. Tujuan utama hal ini dilakukan adalah untuk memberikan penjelasan bagi meredakan perdebatan di Aceh akibat salah faham dengan ajaran *wahdadul wujud*. Syeikh Ibrahim al-Kurani memang banyak mempengaruhi Syeikh Abdul Rauf bin Ali al-Fansuri. Dalam berbagai karya yang dihasilkan oleh Abdul Rauf al-Fansuri seperti *Tanbih al-Masbi*, *Kifayat al-Muhtajin*, *Daqaiq al-huruf*, beliau telah meneruskan tradisi pemikiran al-Kurani yang membenarkan ajaran *Wahdat Al-Wujud* dengan tetap mempertahankan teologi *Ash'ariyah* dan berpegang teguh kepada syariat.<sup>68</sup>

Lebih menarik lagi, ulama tamatan Haramayn ini telah menunjukkan semangat perpaduan yang tinggi sesama mereka. Karya ulama tamatan Haramayn dari kawasan berbeza telah dipelajari di lokasi lain di Alam Melayu. Contohnya karya Nurudin Al-Raniri Siratal Mustaqim telah ditahqiqkan di Banjarmasin oleh Sheikh Arshad Banjari. Contoh yang lain adalah karya Abdul Rauf Singkel dipelajari di Sulawesi, Buton, Mindanao dan Pattani. Karya tafsir dan fiqhnya dikenali dan dicetak berulang kali di Alam Melayu, Mesir, Turki dan Bombay. Sarjana barat sendiri mengakui bahawa karya ulama Aceh tersebar meluas di seluruh Alam Melayu hingga ke Filipina dan masih dipakai

---

<sup>68</sup> Azyumardi.

sehingga sekarang. Jadi, ia bersifat rentas sempadan yang saling mempengaruhi ulama di lokasi berbeza. Ia dipakai dalam tempuh yang lama dan dicetak berulang kali di beberapa tempat.

Ulama-ulama ini saling melengkapi antara satu sama lain. Bukan setakat karya ulama terdahulu dijadikan rujukan, bahkan ia turut dilakukan tahqiq bagi menambah dan melakukan pembaikan yang difikirkan perlu. Isu-isu yang dibawa dalam karya ulama awal disokong oleh ulama terkemudian, dianggap sebagai relevan dipraktik dan dijadikan rujukan oleh masyarakat. Contohnya karya Nurudin di bidang fiqh diwartakan dapat membantu pemahaman tentang konsep asas pemikiran hukum Islam, karya Daud Pattani relevan untuk fiqh Muamalah dan kepenggunaan Islam. Karya sufi ulama awal ini telah menjadi daya pengikat ahli di bawah pelbagai Tarekat. Ianya dalam bentuk wirid tarekat seperti tarekat Syatariah yang masih kekal menjadi amalan selepas solat di Alam Melayu. Bahkan, amalan wirid selepas solat ini menjadi satu-satu amalan ibadat milik masyarakat Alam Melayu, yang tidak ada di dalam masyarakat Islam lain.

Dalam hal ini, Azra semasa melakukan kajian tentang jaringan ulama Alam Melayu dan haramayn, Azra Ayumardi memanfaatkan tidak kurang dari 29 judul manuskrip keagamaan, umumnya berbahasa Melayu dan sedikit Arab, sebagian besar karangan para ulama Melayu-Alam Melayu dan sebagian kecil karangan ulama Haramayn yang ditulis dalam konteks dunia Melayu-Alam Melayu, wilayah yang disebut dalam naskah tersebut sebagai “bilad Jawah”.<sup>69</sup>

Pada akhir abad ke-18 hingga pertengahan abad ke-19, antara ulama Alam Melayu yang aktif mengajar dan menghasilkan banyak karya adalah 'Abdul Malik Abdullah, Muhammad Arshad al-Banjari, Nawawi al-Bantani dan Daud al-Fatani.<sup>70</sup> Kemasyhuran tentang keilmuan ulama-ulama ini tidak terbatas kepada masyarakat Melayu sahaja tetapi turut tersebar di kalangan masyarakat Arab. Seorang ulama adalah Shaykh Nawawi al-Bantani pernah diberikan gelaran sebagai Sayyid Ulama' al-Hijaz kerana tulisannya dan keilmuannya. Di samping ketinggian ilmunya, gelaran ini juga diberikan kepada Shaykh Nawawi kerana kemahiran dan kewibawaanya dalam ilmu agama ketika berdiskusi dengan shaykh- shaykh di Universiti al-Azhar.<sup>71</sup> Kecemerlangan dan

---

<sup>69</sup>Azyumardi.

<sup>70</sup>Md. Sidin Ahmad Ishak, “Malay Book Publishing and Printing in Malaya and Singapore 1807-1949” (University of Stirling, 1992).

<sup>71</sup>A.H Johns, “From Coastal Settlement to Islamic Schools and City: Islamization in Sumatra, the Malay Peninsula and Java,” *Hamdard Islamicus*, 4, no. 4 (1981): 20–21.

kemasyhuran ulama-ulama ini diteruskan oleh beberapa orang ulama dari Alam Melayu yang lain. Antaranya adalah Shaykh Wan Ahmad bin Muhammad Zain Mustafa" al-Fatani.<sup>72</sup> Salah seorang pelajarnya yang awal telah muncul sebagai seorang ulama terkenal di Kelantan ialah Tuan Tabal.<sup>73</sup> Seorang lagi bekas pelajarnya yang amat terpengaruh dengan pemikirannya ialah Tok Kenali.<sup>74</sup> Shaykh Wan Ahmad sangat prolific yang menghasilkan tulisannya sendiri dan mengannotasi tulisan dalam bahasa Arab dan Melayu yang jumlahnya mencapai sekitar 160 tulisan semuanya.

Kemasyhuran Shaykh Wan Ahmad Zain turut disedari oleh seorang orientalis Belanda yang berada di Makkah pada waktu itu dengan berpura-pura mejadi seorang Islam yaitu Snouck Hurgronje.<sup>75</sup> Hurgronje menyifatkan Shaykh Wan Ahmad "seorang sarjana yang cemerlang" kerana keilmuan dan pengaruhnya.<sup>76</sup> Kedudukan Shaykh Wan Ahmad sebagai seorang ulama yang dihormati mewakili Alam Melayu juga turut diiktiraf oleh Daulah Uthmaniyah apabila beliau diamanahkan oleh Sultan 'Abdul Hamid II bagi menyelia percetakan Melayu di Makkah yaitu al-Matba'ah al-Masriyyah al-Ka'inah apabila ia diwujudkan pada tahun 1884.

*Konstruk penulisan Ilmiah Kitab Jawi.* Wan Mohd Nor Wan Daud mengatakan bahawa kitab jawi adalah pencapaian pemikiran level tinggi.<sup>77</sup> Selepas mubaligh terawal memperkenalkan ajaran Islam, generasi ulamak penerus terkemudian telah memupuk dan memperkasakan lagi ajaran Islam. Ia dibuat dalam bentuk penulisan kitab jawi yang kemudiannya disebar ke alam Melayu. Sheikh Ahmad Zain Pattani-menggunakan kedudukan sebagai ketua penyelaras percetakan di bawah kerajaan othmaniyyah menerbitkan kitab Jawi. Kitab-kitab ini menjadi nucleus ilmu Islam yang disebarkan ke Alam Melayu.

---

<sup>72</sup>H.W.M. Shagir Abdullah, *Pelajaran Ugama Dan Kemunculan Ulamak Kelantan* (Kuala Lumpur: Hizbi, 1990).

<sup>73</sup>Mohd. Yusoff bin Abd Rahman, "Pelajaran Ugama Dan Kemunculan Ulamak Kelantan," *Jehat*, 5, no. 6 (1976): 97.

<sup>74</sup>Abdullah al-Qari Salleh, "To' Kenali: His Life and Influence," in *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1982), 87–100.

<sup>75</sup>Mohammad Redzuan Othman, "The Middle Eastern Influence on The Development of Religious and Political Thought in Malay Society" (Disertasi, University of Edinburgh, 1994).

<sup>76</sup>C. Snouck Hurgronje, , *Mekka in the Latter Part of the 19th Century* (Leiden: E.J. Brill, 1970).

<sup>77</sup>Wan Mohd Nor Wan Daud and Khalif Muammar, "Kerangka Komprehensif Pemikiran Melayu Abad Ke-17 Masihi Berdasarkan Manuskrip Durr al-Fara'id Karangan Sheikh Nurudin al-Raniri," *SARI: Jurnal Alam Dan Tamadun Melayu* 27 (2009): 119–46.

Hasil kajian terhadap sejumlah besar kitab jawi yang dikenali ramai, kita dapat mengesan beberapa paradigma yang memang coba diterapkan oleh sarjana Melayu Islam silam. Antaranya;

1. Menanamkan Kefahaman Asas Islam Yang Holistic. Islam perlu membabitkan 3 domain utama dalam kehidupan; kognitif (pemikiran), afektif (membentuk sikap) dan psikomoto (kemahiran yang terhasil). Terpenting lagi, Islam memerlukan peranan kuasa politik untuk tujuan fungsional pelaksanaan hukum Islam dalam kehidupan masyarakat. Buktinya boleh dilihat kepada artifak Batu Bersurat Di Terengganu<sup>78</sup> yang mencatatkan peranan fungsional kerajaan diperlukan sejak awal di Alam Melayu.<sup>79</sup> Walaupun di zaman awal Islam (era tahun 1400-1500) di Alam Melayu, memang telah terdapat pelbagai legal degist Melayu awal, tetapi kitab jawi memang berbeza dengan genre legal degist Melayu, bila mana kitab jawi mengandungi world-view Islam sejati dan bukannya penuh elemen feudal seperti mana terdapat dalam legal degist Melayu.
2. Konstruksi Ilmu Yang Lebih Bernuansakan Prinsip Keilmuan Islam. Hal ini merujuk kepada beberapa perkara; (a) Ia bebas daripada elemen feudal Melayu yang awal dan menekankan elemen demokrasi pendidikan bila mana penggunaannya untuk semua lapisan masyarakat dan bukannya khusus untuk golongan istana semata-mata. (b) Bahasanya mudah difahami. Andainya rumit, ia bakal dihuraikan oleh ulamak khusus. Sebahagian Kitab Jawi ini telah dibuat dalam bentuk prosa biasa dan ada dalam bentuk nazam (puisi dan syair). Tujuannya adalah untuk menjadikan pembaca lebih tertarik dan mudah diingati. (c) ia dikonstruksi dapat menjana pembacaan, pemikiran dan wacana yang lebih proaktif daripada pembaca, ada matan dan syarah (berisi komentar sendiri ataupun daripada guru yang mengajar). Maknanya ia dikonstruksi bagi memastikan sifat jumud tidak berlaku bila mana bahagian matan (isi utama) akan disyarah bersama catatan daripada pembacanya. Secara lansung ia akan mengajar pembaca membaca, berfikir dan memberi komentar dalam bahagian syarahnya. Dan (d) memperkenalkan gaya penulisan ilmiah. Ia merangkumi teknik penulisan kitab dengan gaya penulisan, penerangan dan penghuraian, kemusykilan

---

<sup>78</sup>Rahimin Affandi Abdul Rahim et al., "Batu Bersurat Terengganu: Satu Tafsiran Terhadap Pelaksanaan Syariah Islam," *Jurnal Fiqh* 7 (December 1, 2010): 107–48.

<sup>79</sup>Rahimin Affandi Bin Abdul Rahim, "Pemikiran Pendidikan Islam Dalam Sejarah Tradisi Alam Melayu: Analisis Kritikal."

dan penyelesaian masalah. Lebih menarik lagi, usaha penyaringan dan pemindahan ilmu daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu memang dilakukan dengan baik.

Setiap pengkaji kitab Jawi memang akan terkejut dengan mutu ilmiah yang dimilikinya. Ia menepati kriteria karya ilmiah seperti mana difahami dalam konstek moden. Ia merangkumi; (1) elemen integriti yang memastikan proses peniruan (plagiarism) tidak dilakukan dengan memetik kata-kata org lain tanpa mengakuinya. Hal ini tidak kedapatan dalam kitab Jawi, apabila pengarangnya secara terang menyatakan sumber rujukan pengambilan ideanya. Bahkan ia menyatakan ia adalah hasil terjemahan kitab muktabar yang khusus. Ia bukannya terjemahan secara pasif tetapi ditokok tambah dengan pandangan pengarang berdasarkan realiti tempatan Alam Melayu. (2) Ada bahagian mukadimah, isi dan kesimpulan, (3) struktur penghujahan yang sistematik - persoalan dan jawapan disertakan alasan/sumber hujah (samada naqli atau aqli) yang sepatutnya, (4) gaya bahasa yang mudah difahami oleh pembaca, (5) bertepatan dengan epistemologi Islam - ada keterangan tentang sumber rujukan yang agak detail. Penggunaan sumber rujukan bersesuaian dengan hiraki sumber asas Islam-dimulai dengan tertib yang rapi; quran, sunah, pandangan ulamak dan akal. Apa yang menariknya penggunaan setiap karya ulamak dipilih mengikut hirakinya (tabaqat) yang tersendiri.

*Penekanan Kepada Soal Autoriti Idea.* Semua ajaran akan disandarkan pada sumber wahyu dan karya ulamak silam. Dalam soal ini, ia secara langsung mengajar masyarakat melayu bahawa; (1) Kitab silam (turath) adalah sesuatu yang mulia kerana warisan zaman awal Islam Timur tengah mewakili zaman ilmu Islam yang paling betul memandangkan ia diasaskan oleh nabi. Ia berbeza dengan pemahaman barat yang menganggap tradisi sebagai benda yang negatif<sup>80</sup>, (2) Sumber maklumat ataupun ilmu perlu berasaskan kepada sumber yang boleh dipertanggungjawabkan, bukannya berasaskan sumber dongeng dan mitos. Lebih praktikal lagi, idea dan ilmu Islam daripada Timur Tengah telah diterjemahkan dalam bahasa Melayu (dalam bahasa yang mudah difahami) dan diresapi dengan unsur-unsur tempatan Alam Melayu. Ia bagi mengajar masyarakat Alam Melayu yang baru memeluk Islam bagaimana memahami

---

<sup>80</sup>Rozita Che Rodi et al., "Konsep Kebenaran Ilmu Dalam Bahasa Melayu Berpaksikan Pandangan Islam Yang Sejagat," *International Journal of the Malay World and Civilisation* 2 (2014): 3-13.

akidah (elemen kognitif) dan mengamalkan Islam dalam hidup seharian (3) sumber ilmu ini bersesuaian dengan konsep neo-sufism yang mengabungkan aspek akidah, tasawuf dan syariah secara seimbang, (4) ianya terbuka untuk difikirkan dan dilakukan penambahbaikan yang berterusan. Mengikut Hashim Musa, sekiranya dilakukan perbandingan antara kandungan kitab jawi dengan sastera hikayat, buat pertama kalinya masyarakat Melayu didedahkan dengan pengetahuan ilmu peringkat tinggi yang menekankan kepada soal autoriti idea yang dibawa<sup>81</sup>, (5) Setiap pengarang Kitab Jawi akan memasukkan nama pengarangnya sesuai dengan konsep tanggungjawab Islam yang menuntut nama pengarang dan sanad sandaran ilmunya dinyatakan<sup>82</sup>, (6) Mengajar pengnut Islam agar menjadi pengikut yang bertamadun (mementingkan isu peraturan). Ia juga mengajar supaya berhati-hati dalam elemen kognitif, afektif dan psikomoto yang perlu tertakluk kepada garis panduan Islam yang khusus.<sup>83</sup>

### Simpulan

Kesimpulannya, beberapa perkara boleh ditegaskan membabitkan isu kearifan tempatan di Alam Melayu. *Pertama*, kesedaran masyarakat dunia tentang kearifan tempatan milik masyarakat peribumi bukan eropah boleh diisi dengan mengemukakan konsep kearifan tempatan berasaskan ilmu melayu Islam. *Kedua*, konstruk dan formula kearifan tempatan Melayu memang agak unik kerana merupakan hasil adunan dan sintesis antara Islam dengan pemikiran Melayu. Ia agak dinamik dan masih terpakai hingga pada masa sekarang. *Ketiga*, kitab jawi memang merupakan produk kearifan tempatan Melayu Islam yang terpenting. Ia dapat dilihat daripada segi penciptaan tulisan jawi dan konstruk ilmu yang dibangunkan oleh ulama melayu silam. Ia merupakan warisan berharga yang perlu dijaga dan dikaji oleh generasi akan datang.

---

<sup>81</sup>Hashim Musa, Rozita Che Rodi, and Salmah Jan Noor Muhammad, "Pelestarian Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Utama Dalam Persuratan Dan Pembudayaan Ilmu, Sains Dan Teknologi Di Rantau Ini."

<sup>82</sup>Rahimin Affandi Abd Rahim, "Ulamak Dan Paradigma Menangani Kebudayaan Melayu," in *Othman Yatim Dan Nor Azjita Che Din* (Kuala Lumpur: APMUM, 2006).

<sup>83</sup>Zakaria, "Islam Dan Amalan Toleransi Di Alam Melayu."

**Daftar Pustaka**

- Abdullah, Abdul Rahman. *Pemikiran Umat Islam Di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: DBP, 1999.
- Abdullah, H.W.M. Shagir. *Pelajaran Ugama Dan Kemunculan Ulamak Kelantan*. Kuala Lumpur: Hizbi, 1990.
- Abdullah, Wan Mohd Shaghir. *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2004.
- Ahmad, Hassan. "Bahasa Dan Pemikiran Melayu: Tradisi Dan Kesenambungan." In *Pemikiran Melayu: Tradisi Dan Kesenambungan*, 1–12. Kuala Lumpur: DBP, 2004.
- Alatas, Syed Farid. "Alternative Discourse In Southeast Asia," 2001, 49–67.
- . "Orientalisme dalam Pengkajian Sejarah Alam Melayu." *Socia: Jurnal Ilmu-Ilmu Sosial* 9, no. 2 (2012). <https://doi.org/10.21831/socia.v11i02.3627>.
- Aljunied, Syed Muhd Khairudin. "Rescuing History from the Orientalists: Syed Muhammad Naquib al-Attas and the History of Islam in the Malay World." *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 6, no. 0 (2013).
- Attas, S.M Naquib al-. *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur, 1969.
- Audzir, Mohd Fauzi bin. "Uruf Tempatan Di Negeri Kedah Dan Kesannya Terhadap Perubahan Hukum: Satu Analisis." Skripsi, APIUM, 2002.
- Azra, Azyumardi. *Jaringan Ulama Timur Tengah Dan Kepulauan Alam Melayu Abad XVII Dan XVIII*. Bandung: Mizan, 1994.
- . "The Significance of Southeast Asia (the Jawah World) for Global Islamic Studies: Historical and Comparative Perspectives," 2015. <https://doi.org/10.14989/198357>.
- B.M.Z, Shaharir. "Pendekatan Baru Terhadap Konsep Optimum Barat Dan Beberapa Konsep Optimum Baru Dalam Acuan Sendiri," *Kesturi*, 16, no. 1–2 (n.d.): 55–96.
- B.M.Z, Shaharir, and Alinor M.b.A.K. "The Need for A New Definition of Sustainability." *Journal of Indonesian Economy and Business* 28, no. 2 (May 5, 2013): 251–68. <https://doi.org/10.22146/jieb.29761>.
- Borhan, Zainal Abidin. "Pantun Dan Peribahasa Melayu: Persoalan Jati Diri Dan Patriotisme." In *Globalisme Dan Patriotisme Dalam Sastera Melayu*, 45–58. Kuala Lumpur, 2000.

- Che Rodi, Rozita, Hashim Musa, Salmah Jan Noor Muhammad, and Nur Amirah Che Soh. "Konsep Kebenaran Ilmu Dalam Bahasa Melayu Berpaksikan Pandangan Islam Yang Sejagat." *International Journal of the Malay World and Civilisation* 2 (2014): 3–13.
- Cheeseman, H.R. "Education in Malaya 1900-1941." In *Malaysia in History*. Kuala Lumpur, 1979.
- Committee on Malay Education. "Report of the Committee on Malay Education Federation of Malaya." Malaysia, 1951.
- Daud, Haron. "Pemikiran Melayu Tentang Alam Dan Hakikat Diri." In *Pemikiran Melayu Tentang Alam Dan Hakikat Diri: Kumpulan Kertas Kerja Kolokium Bahasa Dan Pemikiran Melayu/Indonesia* 11, 113–38. Kuala Lumpur: DBP, 2002.
- Daud, Wan Mohd Nor Wan. *The Educational Philosophy And Practice Of Syed Muhammad Naquib Al-Attas*. Kuala Lumpur: ISTAC, 1998.
- Fatani, Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa al-. *Tashilul Amani Fi Syarah Awamil al Jurjani*. Patani: Matbaah Halabi, 1883.
- Ghazali, Abd Muqith. "Mengubah Wajah Fiqh Islam." In *Bayang-Bayang Fanatisme: Esai-Esai Untuk Mengenang Nurcholish Madjid*, 412–31. Jakarta: PSIK Universitas Paramadina, 2007.
- Hamid, Faisal Abdul, Ahmad Faisal, and Nurul Wahidah Fauzi. "Perubatan Melayu Tradisional: Kitab Tibb Pontianak." *Journal of Al-Tamaddun* 7, no. 1 (June 30, 2012): 149–62. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol7no1.10>.
- Hashim Musa, Rozita Che Rodi, and Salmah Jan Noor Muhammad. "Pelestarian Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Utama Dalam Persuratan Dan Pembudayaan Ilmu, Sains Dan Teknologi Di Rantau Ini." *Jurnal Antarabangsa Alam Dan Tamadun Melayu (Iman)* 2 (May 2014): 3–19.
- Hassan, Abdullah Alwi Haji. "Adat Melayu Mengikut Perspektif Perundangan Orang Islam Di Malaysia." In *Adat Melayu Serumpun*, 65–66. Kuala Lumpur: DBP, 2001.
- Hill, E.C. "Annual Educational Report, 1894, Straits Settlements Annual Reports For the Years 1894." Singapura: Government Printing Office, 1895.
- Hooker, M.B. *Islamic Law in Southeast Asia*. Singapura, 1984.
- Hurgronje, C. Snouck. *Mekka in the Latter Part of the 19th Century*. Leiden: E.J. Brill, 1970.



- Hyun, Kim Keum. "Konsep Jadi Orang Dalam Masyarakat Melayu: Satu Kajian Kes Di Negeri Terengganu." Skripsi, University malaya, 1995.
- Ishak, Md. Sidin Ahmad. "Malay Book Publishing and Printing in Malaya and Singapore 1807-1949." University of Stirling, 1992.
- Jalil, Ithnin Abdul. "Pemikiran Saintifik Orang Melayu Melalui Peribahasa." In *Kosmologi Melayu*, 452–60. Kuala Lumpur: APMUM, 2001.
- Johns, A.H. "From Coastal Settlement to Islamic Schools and City: Islamization in Sumatra, the Malay Peninsula and Java," *Hamdard Islamicus*, 4, no. 4 (1981): 20–21.
- Khaldun, Ibnu. *Muqaddimah*. Kairo: Dar al-Fikr, n.d.
- Kling, Zainal. "Manusia Melayu, Alam Dan Tamadunnya." In *Globalisme Dan Patriotisme Dalam Sastera Melayu: Kumpulan Kertas Kerja Hari Sastera 1995*. Kuala Lumpur: DBP, 2000.
- Laffan, Michael Francis. *Islamic Nationhood And Colonial Indonesia: The Umma Below The Winds*. London: Routledge, 2003.
- Loh, Philip Fook Seng. *Seeds of Separatism*. Malaysia: Oxford University Press, 1975.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. "Antara Islam Dan Hinduisme Di Alam Melayu: Beberapa Catatan Pengkaji Barat." *SARI: Jurnal Alam Dan Tamadun Melayu* 23 (2005): 67–82.
- Mokhtar, Mohd Istajib Bin. "Konservasi Biodiversiti Menurut Etika-Perundangan Islam: Kajian Terhadap Kawasan Perlindungan Di Malaysia." Disertasi, Universiti Malaya, 2015.
- Muda, Saad Shukri Hj. In *Kamus Simpulan Babasa*, 142. Kota Bharu: Pustaka Dian, 1960.
- Musa, Hashim. *Falsafah, Logic, Teori Nilai Dan Etika Melayu: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: APMUM, 2001.
- . *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arab Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Baru*. Kuala Lumpur: APMUM, 2001.
- Nandhikkara, Jose. *Environmental Interface Literature, Law, Science, And Philosophy*. Bengauru: Dharmaram Publication, 2015.
- Naoki, Soda. "The Malay World in Textbooks: The Transmission of Colonial Knowledge in British Malaya." *Southeast Asian Studies* 39, no. 2 (September 2001): 188–234.
- "Nilai-Nilai Islam Dalam Budaya Dan Kearifan Lokal (Konteks Budaya Bugis) | Yunus | Rihlah Jurnal Sejarah Dan Kebudayaan." <http://journal.uin-alauddin.ac.id/index.php/rihlah/article/view/1351>.

- Othman, Abdul Halim, and Md Shuaib Che Din. "Hubungan Kekeluargaan Dalam Masyarakat Melayu." In *Psikologi Melayu*, 61–101. Kuala Lumpur: DBP, 1993.
- . "Sifat Kesederhanaan." In *Psikologi Melayu*, 102–9. Kuala Lumpur: DBP, 1993.
- Othman Md. Yatim, Zainal Abidin Borhan, Rahimin Affandi Abd. Rahim, Nor Hayati Bt Md Dahlal, and Norhidayah Mohd Pauzi. "Tradisi Intelektual Melayu-Islam: Daripada Metafora Kepada Saintifikisme." *Jurnal Melayu* 6 (2011): 73–85.
- Othman, Mohammad Redzuan. "The Middle Eastern Influence on The Development of Religious and Political Thought in Malay Society." Disertasi, University of Edinburgh, 1994.
- Özay, Mehmet. "An Attempt to Understand the Driving Forces of Historiography in the Eurocentric Perspective in Southeast Asia." *İnsan & Toplum Dergisi (The Journal of Human & Society)* 3, no. 6 (December 15, 2013): 271–82. <https://doi.org/10.12658/human.society.3.6.M0078>.
- Rahim, Rahimin Affandi Abd. "Pengamalan Ilmu Usul Al-Fiqh Di Dalam Sastera Undang-Undang Melayu: Satu Analisa." In *Kesusasteraan Dan Undang-Undang, Penerbitan Akademi Pengajian Melayu*, 158–79, 2003.
- . "Pengamalan Ilmu Usul Al-Fiqh Di Dalam Sastera Undang-Undang Melayu: Satu Analisa." In *Kesusasteraan Dan Undang-Undang, Penerbitan Akademi Pengajian Melayu*, 188–230, 2003.
- . "Ulamak Dan Paradigma Menangani Kebudayaan Melayu." In *Othman Yatim Dan Nor Azita Che Din*. Kuala Lumpur: APMUM, 2006.
- Rahim, Rahimin Affandi Abdul. "Analisis Sejarah Dakwah Dan Jalinan Intelektual Rantau Malaysia-Indonesia." In *Jaringan Dakwah Malaysia-Indonesia*, 47–74. Bangi: Universitas Kebangsaan Malaysia dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara, 2003.
- Rahim, Rahimin Affandi Abdul, Paizah Ismail, Mohd Kamil Abd Majid, and Nor Hayati Md Dahlal. "Batu Bersurat Terengganu: Satu Tafsiran Terhadap Pelaksanaan Syariah Islam." *Jurnal Fiqh* 7 (December 1, 2010): 107–48.
- Rahim, Rahimin Affandi bin Abdul. "Pemikiran Pendidikan Islam Dalam Sejarah Tradisi Alam Melayu: Analisis Kritikal." Other, January 1, 2012. <http://repository.um.edu.my/90598/>.

- Rahman, Mohd. Yusoff bin Abd. "Pelajaran Ugama Dan Kemunculan Ulamak Kelantan," *Jehat*, 5, no. 6 (1976): 97.
- Ramli, Anuar. "Asas Hukum Dalam Budaya: Kajian Terhadap Beberapa Aspek Hubungan Social Dalam Kebudayaan Malaysia." Skripsi, APIUM, 2002.
- Ramli, Mohd Anuar, Mohd Norhusairi Mat Hussin, and Mohammad Aizat Jamaludin. "Elemen Sumbangan Dalam Pembahagian Harta Sepencarian : Pengalaman Kaum Wanita Melayu Di Malaysia / Mohd Anuar Ramli, Mohd Norhusairi Mat Hussin and Mohammad Aizat Jamaludin." *Esteem Academic Journal* 8 (2012): 77–92.
- Rashid, Noriati A. "Konsep Kesantunan Dalam Masyarakat Melayu," *Jurnal Antarbangsa Dunia Melayu*, 3, no. 1 (2005): 112–28.
- Razak, Muhd Imran Abd, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli, Nurul Hidayah Abd Aziz, and Muhammad Yusri Yusof Salleh. "Salafi Jihad's Version and Coercion to World Peace: An Islamic Educational Perspective." *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 7, no. 12 (2017): 1265–80.
- Roff, William R. *The Origins of Malay Nationalism*. New Haven dan London: Yale University, 1967.
- Salleh, Abdullah al-Qari. "To' Kenali: His Life and Influence." In *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*, 87–100. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1982.
- Selat, Norazit. "Nilai Kerja Dalam Masyarakat Melayu." In *Budi Kencana: Kumpulan Makalah Memperingati Persaraan Profesor Tan Sri Dato' Ismail Hussien*, 61–101. Kuala Lumpur: APMUM, 1994.
- Shah, Mohd Hazim. "Historicizing Rationality: The Transmission Of Rationality And Science To The Malay States Under British Rule" 35 (2007): 216–41.
- Shatibi. *Al-Muwafaqat Fi Usul Al-Abkam*. Vol. 2. Kairo, 1993.
- Stevenson, Rex. *Cultivators and Administrators*. Oxford: Oxford University Press, 1975.
- Syamsul Azizul Marinsah, and Mohd Anuar Ramli. "Sinkretisme Dalam Adat Masyarakat Bajau Di Sabah." *International Journal of Islamic Thought (IJIT)* 12 (December 2017): 83–93.
- Ujang, Zaini. "Tinjauan Terhadap Pendidikan Bersepadu: Suatu Sorotan Dalam Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar," *Jurnal Pendidikan Islam*, 2, no. 1 (1989): 39–42.

- Umar, Jah. "The Importance Of Ijtihad In The Development Of Islamic Law," *Journal of Comparative Law*, 1977, 31–40.
- Wan Hasan, Wan Norhaniza, and Mohd Shukri Hanapi. "Analysis Of The Development Indice's Paradigms." *Global Journal Al Thaqafah* 4, no. 1 (June 30, 2014): 113–26. <https://doi.org/10.7187/GJAT592014.04.01>.
- Wan Mohd Nor Wan Daud, and Khalif Muammar. "Kerangka Komprehensif Pemikiran Melayu Abad Ke-17 Masihi Berdasarkan Manuskrip Durr al-Fara'id Karangan Sheikh Nurudin al-Raniri." *SARI: Jurnal Alam Dan Tamadun Melayu* 27 (2009): 119–46.
- Zakaria, Idris. "Islam Dan Amalan Toleransi Di Alam Melayu." In *Jaringan Dakwah Malaysia Indonesia*, 150–65. Bangi: Universitas Kebangkitan Malaysia, 2003.